

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
"Rasa malu adalah sebahagian daripada keimanan dan keimanan berada di syurga. Sedangkan tindakan kotor adalah sebahagian dari perangai yang kasar dan perangai kasar tempatnya di neraka".

BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN PIALA MALAYSIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Piala Malaysia 2025/2026 yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Sabtu, 7 Februari. - Kuching City FC berjaya menumpaskan DPMM FC dengan keputusan 3 - 1 dalam aksi suku akhir pertama Piala Malaysia 2025/2026 yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

>> Muka 3

Selamat meluaran seorang puteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

>> Muka 3

Ekspo ketengahkan maklumat pendidikan, pilihan kerjaya masa hadapan

Oleh : Khartini Hamir

JERUDONG, Sabtu, 7 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Biasiswa dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) pada pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Ekspo Pengajian Tinggi kali Ke-11 Tahun 2026, di BRIDEX, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran ekspo tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

>> Muka 4

Sambut Ramadan dengan muhasabah diri, bersihkan hati

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Ramadan al-Mubarak adalah bulan yang istimewa dan sentiasa ditunggu-tunggu oleh umat Islam seluruh dunia.

Kedatangan Ramadan hendaklah disambut dengan persediaan dengan bermuhasabah diri dan membersihkan hati daripada sifat-sifat Mazmumah serta menghiasinya dengan sifat-sifat Mahmudah.

Ramadan adalah bulan yang singkat, namun dipenuhi dengan peluang ganjaran yang besar. Maka, masa yang ada hendaklah dimanfaatkan dengan mengurangkan hiburan yang melalaikan, menjauhi segala bentuk maksiat dan menggantikannya dengan memperbanyakkan amalan sunat, membaca Al-Quran, berdo'a, beristighfar, bersedekah, melaksanakan kerja-kerja kebajikan serta menyambung silaturahmi.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Persiapan bagi Menghadapi Bulan Ramadan' disampaikan oleh Pegawai Pemantau Zon 2 Masjid-Masjid

Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Nor Affindy bin Norsabah bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU kali Ke-218 yang bersiaran dari Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Tutong.

Hadir secara maya bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU, dan juga individu yang mengikuti program ini dari kediaman masing-masing.

>> Muka 4



Berita Utama



EU komited sokong pendidikan pelajar tempatan melalui biasiswa

Muka 6



PUPUK kesedaran sivik melalui seni kreatif

Muka 8



TINGKATKAN kesedaran masyarakat kepentingan pemeliharaan taman semula jadi

Muka 9



RENCANA KEPENTINGAN fosil dalam membantu kefahaman perubahan ekosistem

Muka 20

Usaha berterusan, kerjasama padu bersama-sama bertindak, bersatu

BAHAGIAN 2

TEMA kedua, prestasi organisasi dan keberkesanan urus tadbir perkhidmatan awam diperkukuh melalui inisiatif-inisiatif berikut.

Pelaksanaan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang (3PSA) bagi mengukur prestasi agensi Kerajaan dan sekali gus mengiktiraf pencapaian urus tadbir yang terbaik. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2016, sebanyak 48 agensi telah dinilai dengan 10 agensi mencapai tahap 'baik' (3 bintang) dan ke atas.

Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang dilaksanakan secara tahunan pula berperanan sebagai pemangkin budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan perkhidmatan awam dalam memastikan idea dan projek inovasi dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan sebenar yang memberi impak ketara terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Penyertaan AIP dibukakan kepada semua warga perkhidmatan awam, termasuk projek kerjasama strategik Kerajaan-Swasta (Public Private Partnership - PPP), dengan penilaian berasaskan inovasi, keberkesanan, signifikan jangka panjang serta pembelajaran yang boleh diterapkan, sekali gus membolehkan hasil projek dijadikan amalan terbaik dan penanda aras ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Usaha pemeraksanaan inovasi turut diperkukuh melalui rancangan pembangunan Rangka Kerja Inovasi

Perkhidmatan Awam yang bertujuan membudayakan inovasi secara sistematik, meliputi aspek keupayaan sumber manusia, kepimpinan dan pengurusan, strategi pelaksanaan inovasi, pengiktirafan, pengurusan inovasi, penggunaan teknologi, pengurusan perubahan serta pemantauan dan penilaian inovasi.

Di samping itu, sistem PSC Recruitment (PSCR) 2.0 turut mengintegrasikan teknologi AI melalui pembangunan AI Chatbot Companion, sebagai Automasi Soalan Lazim (FAQ) dalam menyediakan jawapan automatik bagi soalan lazim yang berkaitan permohonan jawatan kosong di bawah seliaan SPA, AI Automation bagi mempertingkatkan proses pengambilan seperti perakuan dan ujian, serta penggunaan AI Vision yang membolehkan pembacaan dokumen bagi tujuan pengesahan ketepatan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon.

Ketiga, Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti dan Berkesan terus diperkukuh melalui penggunaan teknologi digital, penambahbaikan proses kerja dan pendekatan Whole of Government bagi memastikan perkhidmatan yang responsif, konsisten dan *citizen-centric*.

Transformasi Sistem Kerja (TSK) telah diperkenalkan bagi menambah baik sistem kerja melalui penerapan teknik pengurusan seperti Business Process Improvement (BPI) bagi menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang lebih mudah, berkesan dan mesra pelanggan. Sehingga kini, dua perkhidmatan Sistem Kebajikan Negara (SKN) telah dilaksanakan TSK, iaitu dalam 'Menilai dan Meluluskan Permohonan Untuk

Mendapatkan Bantuan Kebajikan Bulanan' di bawah kawalan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan dalam 'Memproses Permohonan Mendapatkan Agihan Zakat Kewangan Bulanan' di bawah kawalan Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB). Ringkasnya, proses-proses kerja sedia ada tersebut yang telah dinilai TSK dapat dikurangkan sebanyak lebih kurang 70 peratus.

Seterusnya, pihak JPM dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga giat meneliti proses dan dasar berkaitan penyampaian perkhidmatan yang berkaitan dengan *pro-business activities* bagi memastikan penambahbaikan Perkhidmatan Awam yang berterusan dan menyeluruh, sekali gus memperkukuh peranan perkhidmatan awam sebagai *enabler* pertumbuhan ekonomi negara.

Penglibatan masyarakat dan *stakeholders* turut dititikberatkan dalam pelaksanaan Pembaharuan dan Penambahbaikan (P&P) selaras dengan Surat Keliling JPM 6/2018 mengenai Regular Public Engagement (RPE). Pemantauan berterusan yang dilaksanakan menunjukkan 57 peratus projek dan program P&P telah melaksanakan RPE secara menyeluruh mengikut kitaran pembentukan dasar.

Sistem *flagship* e-Pemeduliaan Pelanggan (e-PP) juga telah diperkenalkan bagi memudahkan pengumpulan data yang terkini serta memperkukuh keupayaan Monitoring and Evaluation (M&E). Modul pertama bagi fasa I iaitu Pemeduliaan telah dilancarkan pada 5 Julai 2025 bagi membolehkan orang ramai menyalurkan maklum balas keupasan terhadap perkhidmatan Kerajaan secara



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap pada Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Selasa, 13 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, West Wing, Aras 1 JPM.

dalam talian, dalam mana bagi Tahun Kewangan ini, peratus keupasan hati pelanggan perkhidmatan awam untuk agensi-agensinya yang berurusan dengan orang ramai telah mencapai 84 peratus. Manakala modul e-Aduan dan e-TPOR akan dilaksanakan pada fasa seterusnya bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan proses aduan dan maklum balas.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	21	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	SELASA	22	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	RABU	23	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	KHAMIS	24	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	JUMAAT	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	SABTU	26	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	AHAD	27	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait 31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 9 FEBRUARI 2026

Berhati-hati dengan skim penipuan kewangan

SU skim penipuan kewangan dilihat semakin membimbangkan apabila pelbagai kes penipuan yang melibatkan wang simpanan beribu Dolar Brunei. Kes seperti ini telah menjadi perbincangan hangat orang ramai kerana taktik penipuan ini berlaku tanpa disedari dan mangsa hanya tahu setelah menerima notifikasi dari bank-bank berkenaan. Modus operandi penipu atau *scammer* semakin licik dan sukar dikesan sehingga mangsa hanya menyedari perkara tersebut apabila semuanya sudah terlambat.

Memang perkara seperti ini wajar diambil tindakan kerana ini melibatkan wang simpanan individu. Kita tidak tahu kemungkinan individu tersebut hanya mempunyai satu-satunya simpanan perbadi dan kehilangan wang tersebut disebabkan oleh penipuan sententunya mengecewakan dan menambah beban hidup kerana satu-satunya simpanan yang diharapkan hilang begitu sahaja tanpa diketahui siapa pelakunya dan bagaimana dia melakukannya.

Pihak yang berkaitan dalam menangani isu-isu penipuan sering menasihati orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dalam pengurusan kewangan terutama sekali bagi mereka yang mempunyai perbankan secara *online*. Dipercayai modus operasi penipuan ini dilakukan oleh mereka yang pakar dalam talian. Justeru pendekatan secara menyeluruh perlu dilakukan daripada penipuan kewangan ini. Kerjasama orang ramai dengan pihak yang berkaitan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, institusi perbankan sententunya akan dapat mengekang penipuan ini daripada berleluasa meskipun kita tahu skim penipuan ini akan terus beroperasi dengan menggunakan modus operasi yang berlainan.

Kesan daripada isu skim penipuan kewangan mahupun pelaburan ini dilihat memberi impak yang sangat memudaratkan terutama sekali menjurus kepada aspek kewangan, tekanan emosi, keluarga malah boleh sahaja melibatkan kecederaan fizikal. Kita tidak tahu beban apa yang ditanggung oleh mangsa akibat penipuan ini.

Pada zaman *scammer* semakin bijak memanipulasi teknologi untuk memperdaya mangsa, Penting untuk kita sentiasa berwaspada lebih-lebih lagi *scammer* pada zaman digital sekarang ini. Untuk melindungi diri, kita perlu sentiasa sahkan kesahihan maklumat dengan melayari laman sesawang atau sumber rasmi. Elakkan daripada mengklik sebarang pautan yang mencurigakan atau mengimbas kod QR yang tidak diketahui. Jangan sesekali mendedahkan butiran perbankan atau perbankan digital awda seperti nama pengguna atau kata laluan kepada sesiapa jua.

Awda juga perlu berhati-hati terhadap pengklonan ATM. Sebelum awda menggunakan mesin ATM, pastikan pembaca kad dan papan kekunci berada dalam keadaan selamat dan tidak diubah suai. Awda juga perlu peka terhadap keadaan sekeliling ketika menggunakan mesin ATM serta tanda-tanda pengklonan seperti papan kekunci palsu dan lain-lain lagi yang mencurigakan. Sentiasa berhati-hati jika ada kamera dipasang untuk merakam kemasukan PIN. Selain itu semak penyata akaun awda secara berkala bagi mengelakkan sebarang 'kehilangan' yang awda tidak ketahui atau sedari.

Meskipun apa yang kita lakukan ini hanya sekadar menjaga urusan kewangan kita tapi ini sekurang-kurangnya memberi impak yang baik kerana sikap berhati-hati ini boleh menyelamatkan kita daripada kehilangan wang simpanan yang diperuntukkan untuk kegunaan masa depan. Ingatlah, cegah sebelum terlambat untuk masa hadapan yang lebih bermakna. – **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

>> Muka 1

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada perlawanan tersebut, pasukan pelawat Kuching City FC membuka jaringan pada minit ke-39 menerusi pemain Jerome Mpacko Etame.

DPMM FC berjaya meraih gol penyamaan pada separuh masa kedua apabila pemain Kuching City FC, James Onyekachukwu Okwuosa menjaringkan bola ke gawang sendiri pada minit ke-50.

Pada minit ke-64, Kuching City FC menambah jaringan selepas penjaga gol DPMM FC, Awang Muhammad Haimie Abdullah Nyaring, gagal menangkis bola hasil sepakan pemain lawan.

Tekanan berterusan akhirnya membuahkan hasil apabila Kuching City FC menambah jaringan ketiga pada minit ke-83 menerusi Muhammad Ramadhan Saifullah Usman.

Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister, dalam sidang media berkata, jaringan gol di gawang sendiri oleh pasukan DPMM FC berlaku kerana kesilapan individu dan, bagi setiap pasukan, memang ada individu yang akan membuatkan kesilapan namun fokus perlu diteruskan.

Mengulas mengenai pasukan lawan, beliau memuji kualiti pemain pasukan Kuching City FC dan kedudukan pasukan tersebut

Berangkat menyaksikan perlawanan Piala Malaysia

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin



BERANGKAT menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas kiri dan atas).

dalam liga jelas menunjukkan prestasi mereka.

Bagi perlawanan seterusnya, Jamie McAllister berkata pasukannya akan bermain lebih agresif dan meningkatkan usaha bagi mendapatkan gol pertama.

Sementara itu, Jurulatih Kuching City FC, Aidil Sharin Sahak mengucapkan rasa syukur atas kemenangan pasukannya dan memberi penghargaan kepada pemain-pemain yang telah bekerja keras pada malam itu untuk mendapatkan kemenangan.

"Pasukan DPMM FC juga

bermain dengan baik dan telah berusaha untuk menentang pasukan kami," katanya.

Beliau menambah, walaupun beliau gembira dengan kemenangan tersebut, perlawanan pertama berkenaan masih belum cukup untuk pasukannya berasa selesa.

AKSI perlawanan di antara DPMM FC dengan Kuching City FC (kanan dan atas kanan). Manakala gambar kiri, para penyokong hadir pada perlawanan tersebut yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



KETUA Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister semasa sidang media selepas perlawanan.

SELAMAT MELUARAN SEORANG PUTERI



>> Muka 1

dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang puteri pada Ahad, 20 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan 8 Februari 2026 Masihi, jam 8.50 pagi.

Berikutan dengan meluaran berkenaan, sebanyak 17 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang puteri pada Ahad, 20 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan 8 Februari 2026 Masihi, jam 8.50 pagi.

SAMBUT RAMADAN DENGAN MUHASABAH DIRI, BERSIHKAN HATI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Atur cara munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Telisai, Tutong, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin, bersiaran dari Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Tutong.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh belia Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Tutong, Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh imam Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Tutong, Awangku Muhd. Abd Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Asyghil dipimpin oleh belia Masjid RPN Kampung Bukit Beruang, Tutong, Awang Muhammad Adam Khairuddin bin Abdullah Muhammad Hassanuddin yang

kemudiannya diteruskan dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Ketua Kampung Bukit Beruang dan RPN Kampung Bukit Beruang, Tutong, Awang Moxsin bin Haji Moktar.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir secara maya bagi sama-sama menyerikan lagi Malam Munajat tersebut.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Ekspo ketengahkan maklumat pendidikan, pilihan kerjaya masa hadapan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Tetamu kehormat seterusnya mengunjungi petak-petak pameran yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara serta kedutaan-kedutaan dan agensi-agensi yang berkaitan, di mana Ekspo Pengajian Tinggi kali ini disertai oleh lebih 60 pempamer.

Penyertaan tersebut merangkumi lapan institusi pengajian tinggi awam dan lapan institusi pengajian tinggi swasta tempatan, 26 agensi dan institusi dari luar negara, serta dua wakil kedutaan.

Selain itu, ekspo ini turut disertai oleh 10 agensi kerajaan dan 15 agensi swasta yang berkaitan.

Ekspo Pengajian Tinggi akan diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad, 8 Februari 2026 bertempat di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong.

Ia akan dibukakan kepada orang ramai bermula hari ini dari pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang, manakala pada Ahad, 8 Februari 2026 ekspo akan bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pada tahun ini, ekspo juga akan diisikan dengan sesi-sesi taklimat sepanjang dua hari tersebut,

yang dirangka untuk memberikan para pelajar pendedahan serta maklumat mengenai pendidikan tinggi dan pilihan kerjaya pada masa hadapan.

Ekspo ini dibukakan kepada orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (lepasan Brunei Cambridge GCE 'O' Level) dan pra-universiti (Brunei-Cambridge GCE 'A' Level) atau yang berkelulusan sebanding yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* dan *reskilling*.

Institusi-institusi yang terlibat juga akan mengongsikan program-program seperti National Technical Education Certificate (NTec); Higher National Technical Education Certificate (HNTec); Diploma; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana dan program Ijazah Kedoktoran.

Semasa Ekspo Pengajian Tinggi berlangsung, Kementerian Pendidikan juga akan membarigakan maklumat-maklumat terkini seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan, dan permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus atau kelulusan.

Antara jabatan-jabatan di bawah

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat semasa mengunjungi salah sebuah petak pameran.

kawalan Kementerian Pendidikan yang turut serta menyertai ekspo tersebut adalah Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Jabatan Pengurusan Pendidik, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) dan Unit Pendidikan Kerjaya dari Jabatan Sekolah-Sekolah.

Ekspo Pengajian Tinggi kali Ke-11 Tahun 2026 diunkayahkan bertujuan untuk menyediakan Pusat Maklumat Sehenti (One-Stop Information Centre) Pengajian Tinggi yang komprehensif yang menghimpunkan institusi pengajian pasca menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi sektor pendidikan dari dalam dan luar negara bagi berkongsi maklumat mengenai pelbagai prospek akademik yang tersedia di dalam negara dan di



luar negara.

Di samping itu, menyediakan Interaksi Bersemuka bagi Mendapatkan Maklumat Tepat dengan memberikan peluang kepada orang ramai, khususnya para pelajar, untuk bersemuka dengan wakil institusi dan agensi pendidikan.

Inisiatif ini memudahkan pelajar mendapatkan bimbingan serta maklumat terperinci yang diperlukan bagi merancang masa

depan akademik mereka.

Untuk maklumat lanjut dan terkini mengenai ekspo tersebut, layari laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn dan laman sesawang Jabatan Pengajian Tinggi di www.hiedbrunei.moe.gov.bn.

Maklumat terkini juga boleh didapati melalui akaun Instagram rasmi @moe_brunei dan @hiedbrunei.



SEKITAR Ekspo Pengajian Tinggi kali Ke-11 Tahun 2026, di BRIDEX, Jerudong (atas dan kiri).

MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN, PEROLEHAN AWAM

**Siaran Akhbar dan Foto :
Suruhanjaya Persaingan
Brunei Darussalam**



PESURUHJAYA Kehakiman Mahkamah Besar Brunei Darussalam, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi CCBD semasa sesi bergambar ramai pada bengkel berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) telah mengadakan satu bengkel bertajuk 'Workshop on Synergies Between Competition Policy and Public Procurement' baru-baru ini, bertempat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, selaras dengan peranan CCBD dalam menyokong persekitaran perniagaan yang kondusif melalui penggalakan amalan pasaran yang berdaya saing dan cekap, serta usaha memperkukuh produktiviti, inovasi dan daya saing pasaran di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bengkel berkenaan telah dianjurkan melalui kerjasama antara International Trade Centre (ITC) di bawah EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package - Trade (SCOPE - Trade), dan telah dihadiri oleh Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli CCBD serta Tribunal Rayuan Persaingan, di samping pegawai-pegawai dan wakil-wakil daripada Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Kecil di kementerian-kementerian, serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Bengkel berkenaan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Brunei Darussalam, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi CCBD yang menekankan kepentingan perolehan awam sebagai satu fungsi utama kerajaan serta peranannya dalam melindungi kepentingan dan penggunaan sumber awam secara berhemat.

Beliau turut menjelaskan bahawa penerapan prinsip persaingan dalam perolehan awam dapat membantu mencegah amalan anti-persaingan, menyokong pasaran yang terbuka dan berdaya saing, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan.

Pengerusi CCBD turut menjelaskan, penganjuran bengkel berkenaan adalah selaras dengan usaha kepelbagaian ekonomi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Tindakan Ekonomi NBD, dengan menekankan kepentingan pendekatan Whole of Government serta kerjasama yang erat antara agensi-agensi berkaitan dalam memperkukuh penguatkuasaan undang-undang persaingan dan amalan perolehan awam yang baik.

Sejurus selepas ucapan perasmian, Ravini Gunasekera daripada ITC telah menyampaikan ucapan pengenalan yang menggariskan objektif Program SCOPE - Trade serta sokongan

program berkenaan dalam memperkukuh pelaksanaan dasar persaingan dan amalan perolehan awam di negara-negara ASEAN, termasuk NBD.

Sehubungan dengan itu, bengkel berkenaan memfokuskan kepada bagaimana prinsip persaingan dapat menyokong sistem perolehan awam yang telus, adil dan cekap, termasuk melalui pengenalpastian serta pengurusan risiko amalan seperti penipuan bidaan (*bid-rigging*) dan pakatan sulit, di samping menggalakkan nilai terbaik bagi perbelanjaan awam serta medan persaingan yang adil bagi pembekal.

Bengkel berkenaan turut menampilkan sumbangan daripada pakar-pakar antarabangsa dalam bidang undang-undang persaingan dan perolehan awam, termasuk Profesor Undang-undang dari King's College London, Alison Jones; serta Robert Anderson, pakar persaingan daripada ITC, yang menyertai bengkel berkenaan secara dalam

talian.

Selain itu, satu sesi dalam talian bersama Naib Presiden Suruhanjaya Persaingan Greece (Hellenic Competition Commission), Hara Nikolopolou, bagi berkongsi pengalaman pihak berkuasa berkenaan dalam menangani amalan penipuan bidaan dalam perolehan awam di Greece.

Penganjuran bengkel berkenaan merupakan sebahagian daripada

usaha berterusan CCBD untuk memperkukuh pemahaman serta kerjasama antara agensi-agensi kerajaan mengenai isu-isu berkaitan persaingan, dengan mengambil kira bahawa penguatkuasaan undang-undang persaingan yang berkesan dan rangka kerja perolehan yang mantap memerlukan pendekatan Whole of Government.

Mempererat hubungan silaturahim melalui kegiatan gotong-royong



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas hadir menyertai aktiviti membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kelamasi, Kampung Kasat.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kasat

KAMPUNG KASAT, Sabtu, 7 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat serta ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat telah mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kelamasi, Kampung Kasat, baru-baru ini.

Hadir menyertai aktiviti tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Aktiviti gotong-royong tersebut antara lain bertujuan untuk memastikan kawasan tanah perkuburan sentiasa berada dalam keadaan bersih, teratur dan terpelihara, di samping memupuk semangat kerjasama, tanggungjawab serta keprihatinan dalam kalangan masyarakat terhadap kemudahan awam dan tempat persembahan umat Islam.

Antara kerja-kerja yang dijalankan termasuk pembersihan semak samun, pengumpulan sampah, pemotongan rumput serta penyusunan kawasan sekitar tanah perkuburan. Usaha tersebut diharap dapat memberikan keselesaan kepada para waris dan orang ramai yang menziarahi pusara ahli keluarga mereka.

Aktiviti seumpama ini juga diharap dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kebersihan persekitaran kampung sentiasa terpelihara serta memperkukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk setempat.

Hubungan NBD, Republik Rakyat China terus diperkasa merentas pelbagai bidang



SESI Dialog China-Brunei '2026 Forward Together on Building a Community with a Shared Future' telah mengambil tempat di The Core Lecture Hall, Universiti Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUNGGU LINK, Sabtu, 7 Februari. - Dalam usaha memperkukuhkan jalinan kerjasama dan ikatan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China, hari ini telah diadakan Sesi Dialog China-Brunei '2026 Forward Together on Building a Community with a Shared Future' yang mengambil tempat di The Core Lecture Hall, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Hadir semasa acara yang dianjurkan oleh Brunei-China Friendship Association dengan kerjasama Kedutaan Republik Rakyat China di NBD tersebut

ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Chen Shaochun. Juga hadir, Presiden Brunei - China Friendship Association, Dr. Mohammad Firdaus bin Abdul Rahman; Naib Presiden China International Communications Group, Dr. Yu Yunquan; Naib Presiden China Foreign Affairs University, Dr. Sun Jisheng dan Director General, Jakarta Bureau, Xinhua News Agency, Mr. Cao Kai.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan ucap-tama yang disampaikan mengenai jalinan kerjasama antara

kedua-dua buah negara yang telah, sedang dan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang bagi mengukuhkan lagi hubungan timbal balik antara NBD dan Republik Rakyat China dalam pelbagai bidang bagi memupuk persahabatan dan kefahaman bersama di antara warga kedua-dua buah negara.

Sementara itu, acara turut diisikan dengan dua sesi dialog yang membincangkan mengenai membina masa depan yang indah dan mampan dan bersama mewujudkan kediaman inklusif dan koperasi di Asia. Majlis pagi tadi turut diisikan dengan sesi soal jawab bersama ahli panel dialog.

EU KOMITED SOKONG PENDIDIKAN PELAJAR TEMPATAN MELALUI BIASISWA

Siaran Akhbar dan Foto : European Union-Brunei Darussalam Partnership Facility



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Kesatuan Eropah (EU) mengalu-alukan lebih ramai pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang ingin melanjutkan pengajian tinggi di seluruh 27 Negara Anggota EU serta menggalakkan graduan muda tempatan untuk meneroka peluang biasiswa di Eropah, menurut Duta-duta Negara EU ke NBD dan Republik Indonesia hari ini bersempena Ekspo Pendidikan Tinggi Ke-11, Tahun 2026 di Dewan BRIDEX, Jerudong.

Kenyataan tersebut dibuat semasa sesi perbincangan peringkat tinggi Duta-duta, bertajuk 'Studying in the EU : Scholarships, Research and Opportunities for Collaboration'.

Sesi panel tersebut dipengerusikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak EU ke Republik Indonesia dan NBD, Tuan Yang Terutama Denis Chaibi dan

menampilkan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD, Puan Yang Terutama Eve Lubin serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner.

"Tiada masa depan tanpa pelaburan dalam pendidikan dan golongan muda. Penyertaan Kesatuan Eropah dalam Ekspo Pendidikan Tinggi Ke-11, 2026 mencerminkan komitmen kukuh kami untuk menyokong aspirasi belia NBD serta memperluas akses kepada pendidikan tinggi bertaraf dunia di seluruh Negara Anggota EU.

"Kami amat menghargai kerjasama dengan Kerajaan NBD serta bakat para pelajar NBD, dan kami menantikan kehadiran lebih ramai bakat muda ini ke Eropah bagi meningkatkan kemahiran serta memperkukuh hubungan bersama," ujar Tuan Yang

SESI perbincangan peringkat tinggi Duta-duta, bertajuk 'Studying in the EU : Scholarships, Research and Opportunities for Collaboration' (kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Terutama Denis Chaibi akan menekankan kepentingan pelaburan dalam pendidikan.

Sementara, Puan Yang Terutama Eve Lubin pula mengatakan bahawa Eropah menawarkan pengalaman akademik yang pelbagai serta memperkayakan dari segi budaya.

"Apabila awda belajar di Eropah, awda akan mengenali ramai individu yang berbeza, pelbagai pengalaman serta ramai sahabat yang akan kekal seumur hidup. Di Perancis, terdapat kira-kira 1,500,000 pelajar dan daripada jumlah itu, sekitar 400,000 merupakan pelajar antarabangsa.

"Jadi, jika melanjutkan pengajian di Perancis, saya percaya perkara yang sama berlaku di kebanyakan negara Eropah. Awda bukan sahaja akan bertemu rakyat Perancis, malah pelbagai warganegara lain yang sama-sama bersemangat untuk belajar dan meneroka apa yang ditawarkan oleh Eropah," jelas PYT.

TYT Weert Börner menjelaskan bahawa negaranya amat berbesar hati untuk menerima lebih ramai pelajar dari NBD.

"Kami sangat berminat untuk mendekati Asia Tenggara dan menggalakkan lebih ramai pelajar, termasuk dari NBD dan negara jiran, untuk melanjutkan pengajian bersama kami. Satu lagi perkara yang ingin saya tekankan ialah di Jerman, rangkaian universiti dan universiti sains gunaan adalah sangat luas, baik dari segi bidang pengajian mahupun tawaran akademik, yang saya percaya



merupakan tarikan utama kepada para pelajar," tambah TYT.

Ratusan pengunjung termasuk pelajar menghadiri hari pertama Ekspo Pendidikan Tinggi Ke-11 yang telah menjadi acara pendidikan unggul anjuran Kementerian Pendidikan.

Sekurang-kurangnya 69 institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan serta agensi kerajaan dan swasta mengambil bahagian dalam Ekspo Pendidikan Tinggi Ke-11 2026. Ini termasuk institusi pengajian tinggi dari luar negara, antaranya yang berada di bawah program Biasiswa EU bagi pengajian pascasiswazah iaitu Erasmus Mundus Joint Masters (EMJM).

Program EMJM menawarkan biasiswa yang lumayan kepada pelajar di seluruh dunia yang ingin mengikuti pengajian peringkat siswazah melalui ijazah bersama atau pelbagai ijazah di satu atau beberapa negara EU.

Terdapat sekurang-kurangnya 221 kursus di bawah EMJM,

merangkumi bidang sains, teknologi maklumat, politik, undang-undang, ekonomi, sains sosial dan budaya, seni, kesusasteraan serta hospitaliti.

Semasa ekspo pendidikan tersebut, salah seorang alumni EMJM dari Republik Indonesia, Putri Ghassani Ramadhina, turut berkongsi pengalamannya mengikuti pengajian dalam bidang ekonomi kitaran di Sweden dan Norway di bawah program biasiswa dua tahun itu.

Selain menganjurkan Sesi Perbincangan Duta-duta, EU juga membuka sebuah reruai maklumat yang menampilkan peranti Realiti Maya (VR) bagi memberi gambaran kepada para peserta tentang pengalaman belajar di EU. Reruai tersebut turut menyediakan maklumat mengenai mobiliti akademik dan peluang kerjasama penyelidikan. Penyertaan EU dalam Ekspo Pendidikan Tinggi Ke-11, Tahun 2026 dianjurkan oleh EU-Brunei Darussalam Partnership Facility.

Teroka bidang kerjasama baharu dalam pendidikan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir di Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama kali Ke-15 antara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 7 Februari. - Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama kali Ke-15 antara Kementerian Pendidikan NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura yang berlangsung di Kementerian Pendidikan Republik Singapura pada 4 hingga 5 Februari 2026.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama antara

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, NBD dan Setiausaha Tetap (Pendidikan), Republik Singapura, Puan Lim Wan Yong.

Mesyuarat Kumpulan Kerja ini diadakan setiap tahun dan memberikan peluang bagi kedua-dua negara untuk berkongsi inisiatif pendidikan terkini, menilai kerjasama yang sedia ada, serta meneroka bidang-bidang kerjasama baharu dalam pendidikan.

Pada kali ini, kedua-dua pihak kementerian bertukar-tukar amalan baik serta

membincangkan antara lain mengenai dengan perkara berkaitan dengan Pendidikan Hijau, Kecerdasan Buatan, Education Tourism dan Pendidikan bagi Kelestarian Alam Sekitar.

Di samping itu, rombongan turut berkesempatan mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Rendah Elias Park dan Sekolah Menengah Yusof Ishak.

Turut menghadiri rombongan tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan NBD.

Bersama meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan kempen derma darah pada Isnin, 9 Februari 2026 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Function Room, Tingkat 2, The One Batu Satu, anjuran Persatuan Shotokan Karate Brunei Darussalam.

Seterusnya pada Selasa, 10 Februari 2026 bermula jam 10.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di Ruang Legar Bay 10, bangunan Print Plus Sdn. Bhd., Lapangan Terbang Lama Berakas; pada Rabu, 11 Februari 2026, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di The Daun, Kiulap, Bangunan A, Tingkat Bawah, PH Apong Kiulap.

Manakala pada Sabtu, 14 Februari 2026 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Fitness Zone, Kiulap, bersempena Hari Jantung.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH KAMPUNG PUTAT



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga Ketua Kampung Putat, selaku Pengerusi Majlis (atas, atas kanan dan kanan).



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

جائتین فرانتھن اېکونومي دان ستاتيسټيک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PUTAT, Ahad, 8 Februari. - Majlis Perundingan Mukim (MPK) Putat dan Takmir Masjid Kampung Putat pagi tadi mengadakan Majlis Tahliil dan Doa Arwah Sekampung kali Ke-33 Kampung Putat bertempat di Masjid Kampung Putat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellaheuddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Bilal Masjid, Awang Afendi bin Haji Taha dan diikuti dengan ucapan daripada Wakil Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Putat, Awang Haji Shamri bin Haji Matali.

Selepas itu diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan kemudiannya diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim, Penerima Khas dan penerima Sijil Akuan Tamat Kelas Al-Quran dan Muqaddam.

Tetamu kehormat seterusnya

menerima hadiah cenderahati yang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed juga Ketua Kampung Putat, selaku Pengerusi Majlis.

Sejurus selepas itu diteruskan dengan bacaan Tahliil dan Doa Arwah yang dikepalai oleh Bilal Masjid, Awang Afendi bersama-sama guru-guru dan murid-murid yang tamat Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Kampung Putat.

Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid, Awang Mohd. Ahmed Ha'ssyer bin Haji Samry.

Majlis ini merupakan satu wadah yang penuh keberkatan bagi mereka untuk mengenang dan mendoakan ahli keluarga serta saudara-saudara kita yang telah kembali ke rahmatullah di samping mengukuhkan hubungan silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung.

Ia juga bertepatan dengan kedatangan bulan suci Ramadan. Dari itu, marilah sama-sama meningkatkan amal ibadah dengan memperbanyakkan puasa sunat dan amal kebajikan sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan.

HALUAN

>> Muka 2

InsyaaAllah dengan kerjasama pihak berkepentingan secara Whole of Nation, Perkhidmatan Awam terus diperkasa berasaskan tiga elemen utama iaitu People, Organization dan Services bagi membangun kepimpinan, memperkukuh organisasi, dan menyampaikan perkhidmatan cekap yang berpaksikan rakyat. Pendekatan menyeluruh ini memastikan Perkhidmatan Awam bukan sahaja berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, tetapi juga berperanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sejajar Wawasan Brunei 2035.

Beralih kepada peranan Sektor Media di Negara Brunei Darussalam. Terdapat dua jabatan utama dalam sektor media di bawah kawal seliaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Penerangan.

Kedua-dua jabatan ini memainkan peranan strategik dalam mendukung agenda kerajaan dan pencapaian Wawasan Brunei 2035. Peranan utama sektor media berteraskan tiga perkara utama iaitu:

Pertama - Berperanan sebagai

Penyampai Naratif Kerajaan selaku platform utama penyebaran maklumat rasmi.

Kedua - Memperkukuh Kepercayaan Rakyat terhadap dasar dan hala tuju kerajaan.

Ketiga - Menyumbang kepada Kestabilan dan Keharmonian Sosial melalui penerangan berfakta dan sahih.

Bagi memastikan peranan ini dilaksanakan secara berkesan, sektor media mempunyai tiga fokus strategik utama yang diperkasa oleh penggunaan teknologi digital, pengukuhan sumber manusia dan memanfaatkan rangkaian nasional, serantau dan antarabangsa.

Fokus Pertama ialah perbarigaan maklumat sahih kepada orang ramai melalui saluran media tradisional dan media baharu.

Di bawah kendalian Jabatan Penerangan, laman sesawang Pelita Brunei telah mencatatkan seramai 583,000 pelawat, dan platform e-Paper Pelita Brunei merekodkan lebih 44,000 pembaca digital. Ini adalah perubahan ketara bagi menguasai alam digital.

Bagi RTB pula, kadar audiens telah mencapai 65 peratus pada tahun 2025, selaras dengan sasaran 69 peratus kadar audiens bagi tahun 2026.

Manakala, RTBGo telah menarik lebih 563,889 pengunjung sehingga November 2025

membuktikan permintaan yang kukuh terhadap akses kandungan secara digital, fleksibel dan real-time.

Fokus Kedua ialah peningkatan literasi media melalui pendekatan Whole of Nation. Sebagai pelaburan jangka panjang bagi membentuk dan melahirkan masyarakat yang celik dan bijak teknologi, kedua jabatan mengadakan beberapa program celik digital, antaranya RTB telah menganjurkan pelbagai program literasi media, seperti Program Jerayawara 'Badudun Bersama RTB' di seluruh negara sepanjang tahun 2025 bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap literasi media dan produk-produk RTB.

RTB juga telah menerbitkan sebanyak 206 Public Service Announcements (PSA) secara konsisten dan berimpak tinggi bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam pelbagai aspek.

Jabatan Penerangan pula telah melaksanakan sebanyak 72 Program Kenegaraan dan Kemasyarakatan, yang berjaya menarik penyertaan seramai 7,696 orang peserta, sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh kefahaman rakyat terhadap isu-isu kenegaraan dan kemasyarakatan, dan telah mengendalikan Program Jerayawara 'Kenali ASEAN' yang melibatkan 15 buah sekolah

dengan penyertaan lebih 4,000 pelajar.

Ketiga ialah Peningkatan Kapasiti, Kompetensi dan Penggunaan Teknologi melalui pelaksanaan latihan para pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan kompetensi, pelaburan dalam infrastruktur teknologi serta pelaksanaan projek pembangunan strategik bertujuan untuk memastikan sektor media kekal relevan.

Dalam tahun 2025, seramai 81 peratus kakitangan RTB telah mengikuti sekurang-kurangnya satu program latihan, untuk pembangunan profesional dan peningkatan kemahiran sumber manusia. Sasaran jangka panjang RTB adalah untuk memastikan kira-kira 90 peratus kakitangan mengikuti sekurang-kurangnya dua program latihan setiap tahun sehingga tahun 2035.

Jabatan Penerangan telah mengadakan sebanyak 9 sesi 'Info Day' dalam tempoh September 2024 sehingga September 2025. Antara topik yang dibincangkan termasuk Jenayah Siber, Kesihatan Mental, Peraturan Perkhidmatan Awam, dan isu-isu semasa yang berkaitan. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran kakitangan tentang isu-isu semasa.

Dari segi dukungan infrastruktur, di bawah Rancangan Kemajuan

Negara Ke-12, RTB sedang melaksanakan satu projek strategik dengan pembinaan Studio TV baharu, Blok Operasi Penyiaran Radio serta Dewan Studio Serbaguna. Projek ini akan meningkatkan lagi kapasiti penerbitan konten dan penyiaran negara.

Kedua-dua jabatan turut aktif menyertai persidangan, seminar dan mesyuarat peringkat ASEAN, serantau serta antarabangsa, sebagai platform perkongsian pengetahuan, penggunaan teknologi baharu dan amalan terbaik, untuk pembangunan kapasiti institusi.

Sektor media kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian maklumat kerajaan dilaksanakan secara berkesan dan berintegriti, untuk menyumbang ke arah pembentukan masyarakat dan generasi yang bermaklumat, berfikiran matang serta bertanggungjawab dalam menerima dan menggunakan maklumat.

Seterusnya, RTB dan Jabatan Penerangan akan terus mencabar keupayaan institusi masing-masing bagi menyokong pelaksanaan dasar serta hala tuju pembangunan negara ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035, selaras dengan peranan dan tanggungjawab di bawah JPM.

PUPUK KESEDARAN SIVIK MELALUI SENI KREATIF



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Awang Noor Mohammad Rahmat Dini Asa bin Salim dari Sekolah Menengah Berakas dan Dayang Aina Adriana binti Arifteen dari Pusat Tingkatan

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pemenang Peraduan Melukis Poster Kali Kedua bagi Kategori Menengah Atas dan Kategori Pusat Tingkatan Enam.

Enam Sengkurong masing-masing muncul johan Peraduan Melukis Poster Kali Kedua bagi Kategori Menengah Atas dan Kategori Pusat Tingkatan Enam.

Bagi kategori Menengah Atas, naib johan dimenangi oleh Tiong Ing Hoe dari Sekolah Seri Mulia Sarjana dan Awang Mohammad Wafi bin Rosley dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait memenangi tempat ketiga.

Sementara itu, naib johan bagi kategori Pusat Tingkatan Enam ialah Dayang Aleya Anak Claxairi dari Pusat Tingkatan Enam Belait

dan Dayang Siti Nura Hana Wajihah binti Ramli dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong mendapat tempat ketiga.

Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Melukis Poster Kali Kedua sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2025 berlangsung pagi tadi di Dewan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanul Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Abdul Rahman.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) terus komited dalam usaha pencegahan penyalahgunaan dadah melalui pendekatan pendidikan dan kesedaran awam, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Majlis yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum ini bertujuan

menyediakan platform strategik bagi memupuk kesedaran sivik melalui medium seni kreatif dalam kalangan pelajar dan belia.

Pendekatan ini dilihat berkesan dalam menyampaikan mesej pencegahan secara inklusif dan berimpak. Ia mencerminkan tahap kesedaran dan komitmen generasi muda dalam menyokong aspirasi negara ke arah masyarakat bebas dadah.

Tema 'Sinar Menuju Pemulihan' telah dipilih bagi menekankan mesej harapan dan pemulihan, sejajar dengan pendekatan holistik dalam menangani isu penyalahgunaan dadah.

Peserta menampilkan interpretasi visual yang kreatif dan simbolik, menggambarkan perjalanan kehidupan daripada kegelapan akibat pengaruh dadah kepada sinar pemulihan dan masa depan yang lebih sejahtera.

Sebelum mengakhiri majlis itu tetamu kehormat membuat lawatan ke galeri pameran poster karya para peserta yang mempamerkan kualiti artistik dan mesej kesedaran yang mendalam.

Memperkasa budaya membaca, dukung pembangunan intelektual



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengadakan Majlis Perasmian Sudut Bacaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Pusat Belia, di ibu negara pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian Sudut Bacaan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Sudut Bacaan merupakan salah

satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh DBP melalui Bahagian Perpustakaan sebagai usaha untuk memupuk minat membaca dan cintakan buku dalam kalangan orang awam.

Penempatan Sudut Bacaan ini bertujuan untuk menyediakan ruang pembelajaran tidak formal, memperkasa budaya membaca dalam kalangan belia serta menyokong pembangunan intelektual, sahsiah dan pemikiran kritis generasi muda selaras dengan keperluan semasa.

Dalam ucapannya, Ketua Bahagian Perpustakaan, Dayang

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian Sudut Bacaan berkenaan.

Emi Suryaney binti Hipny menyatakan bahawa majlis tersebut menunjukkan satu inisiatif kerjasama strategik antara DBP dengan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dalam usaha bersama-sama memperkasa pembangunan rakyat, khususnya golongan belia di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau turut menjelaskan bahawa Perpustakaan DBP terus melangkah ke hadapan dengan mendekati sumber ilmu kepada masyarakat melalui penyediaan bahan bacaan yang relevan,

inklusif dan mudah diakses.

"Alhamdulillah, usaha tersebut disambut baik oleh JBS dengan memanfaatkan prasarana di Pusat Belia ini, sekali gus mencerminkan komitmen bersepadu sektor kebudayaan dan belia dalam memupuk minat membaca, budaya ilmu serta apresiasi terhadap literasi, bahasa dan sastera dalam kalangan generasi muda," ujarnya.

Menurutnya lagi, kerjasama ini juga mencerminkan pendekatan Whole of Government, di mana agensi-agensi kerajaan berganding bahu bagi memastikan kemudahan, program dan perkhidmatan yang disediakan benar-benar memberi nilai tambah kepada kumpulan sasaran, khususnya golongan belia.

Sudut Bacaan di Pusat Belia menyediakan pelbagai genre bahan bacaan yang bersesuaian,

iaitu sebanyak 200 buah buku dan majalah dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang merangkumi pelbagai bidang seperti pengetahuan am, pembangunan sendiri, kemahiran hidup, keusahawanan, kreativiti serta bahan bacaan santai yang sesuai dengan minat dan keperluan belia.

Bahan bacaan yang disediakan akan ditukar setiap tiga bulan mengikut keperluan dan permintaan Pusat Belia bagi memastikan koleksi sentiasa relevan dan menarik.

Setakat ini, DBP mempunyai enam Sudut Bacaan di seluruh negara, iaitu Sudut Bacaan Pusat Akademi Sukan Mamanah Ar-Rafi, Sudut Bacaan Teratak Setiawan, Sudut Bacaan Eat's Hot, Sudut Bacaan PKWE Lambak, Sudut Bacaan Persekutuan Pengakap nbd dan Sudut Bacaan Pusat Belia.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026
2. 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026
3. 'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 25 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



TINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT KEPENTINGAN PEMELIHARAAN TAMAN SEMULA JADI



SUASANA pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Taman Peliunan, Temburong (atas dan bawah).



TEMBURONG, Ahad, 8 Februari. - Program Youth Exploneers : Menerokai Tenaga Solar petang tadi melabuh tirainya dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Taman Peliunan, di sini.

Seramai 20 belia daripada keempat-empat daerah telah menyertai Program Youth Exploneers : Menerokai Tenaga Solar, yang merupakan inisiatif para peserta Program Youth-Leadership, Innovative, Talent dan Empowerment (Y-LITE) 2025 di bawah kendalian Jabatan Belia dan Sukan.

Majlis Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh wakil daripada belia Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Projek, Awang Muhammad Dzahiruddin @ Muhammad Hanafi bin Haji Kifli selaku peserta Y-LITE 2025.

Majlis diteruskan dengan pembentangan daripada para peserta, yang mengetengahkan hasil pembelajaran, pengalaman serta impak program terhadap pembangunan sendiri dan kesedaran alam sekitar.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah didedahkan kepada pembelajaran secara teori dan praktikal berkaitan konsep tenaga hijau, pemasangan panel solar, serta kepentingan teknologi tenaga boleh diperbaharui dalam menyokong kelestarian alam sekitar.

Program berkenaan bertujuan untuk menghimpunkan para belia bagi meneroka, mempelajari serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan tenaga hijau, khususnya tenaga solar, sebagai salah satu pemacu utama ke arah pembangunan mampan dan kelestarian alam sekitar.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

Pelaksanaan program berkenaan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan belia dan komuniti setempat, di samping memperkukuhkan jaringan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, sektor korporat serta organisasi komuniti.

Di samping itu, program berkenaan turut menyasarkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan taman semula jadi sebagai aset ekopelancongan dan warisan alam yang perlu dipelihara secara berterusan.

Pendekatan pembelajaran

berasaskan pengalaman berkenaan telah membuka ruang kepada belia untuk memahami aplikasi sebenar teknologi hijau, di samping membina kemahiran teknikal yang relevan, seterusnya memupuk sikap tanggungjawab sosial melalui sumbangan secara langsung kepada masyarakat tempatan.

Penganjuran program berkenaan diharap dapat menjadi platform berterusan dalam melahirkan generasi belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing dalam bidang teknologi hijau, sekali gus menyokong aspirasi negara ke arah pembangunan mampan dan kesejahteraan komuniti.

25 peserta mara ke Peringkat Akhir Musabaqah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah akan diadakan selama dua hari berturut-turut iaitu pada hari Selasa, 10 Februari 2026 dan Rabu, 11 Februari 2026 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 25 orang peserta terpilih dan layak ke Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah iaitu lima peserta perempuan dari Kategori 'A'; lima peserta perempuan dari Kategori 'B'; lima peserta perempuan dari Kategori 'C'; dua peserta dan tiga peserta perempuan dari Kategori 'D'; dan lima peserta lelaki dari Kategori 'E'.

Pertandingan bagi Kategori 'A', 'B', 'C' dan 'D' akan diadakan pada hari Selasa, 10 Februari 2026, bermula jam 8.30 pagi hingga selesai. Manakala pertandingan bagi Kategori 'E' dan Majlis Penutup akan diadakan pada hari Rabu, 11 Februari 2026 bermula jam 8.30 pagi.

Sehubungan dengan itu, semua peserta yang terpilih adalah dinasihatkan supaya hadir lebih awal pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan bagi melancarkan perjalanan pertandingan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah ini merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.

Musabaqah tersebut diadakan secara berperingkat-peringkat bermula dari Peringkat Saringan, Peringkat Separuh Akhir dan Peringkat Akhir Kebangsaan.

Pupuk kesedaran menjaga kebersihan, kesucian kawasan perkuburan

TUTONG, Sabtu, 7 Februari. - Acara Kempen Kebersihan Kawasan Perkuburan Orang-orang Islam Bukit Sugan, Tutong telah diadakan dengan penyertaan penduduk kampung serta agensi berkaitan bagi memupuk kesedaran menjaga kebersihan dan kesucian kawasan perkuburan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Kempen berkenaan anjuran bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panchor dengan kerjasama Jabatan Bandaran Tutong dan juga takmir jemaah-jemaah Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong serta penduduk Kampung Panchor Dulit, Panchor Papan dan Kampung Suran.

Penganjuran kempen tersebut antara lain bertujuan menggalakkan semangat kerjasama dan tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan persekitaran, khususnya kawasan perkuburan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan turut serta bergotong-royong di Kempen Kebersihan Kawasan Perkuburan Orang-orang Islam Bukit Sugan, Tutong.

sebagai tempat yang perlu dihormati dan dijaga dengan sebaik-baiknya.

Kempen seumpama ini diharap dapat diteruskan dari semasa ke semasa sebagai usaha berterusan

dalam memelihara kebersihan persekitaran, di samping mengukuhkan hubungan silaturahim serta muafakat dalam kalangan penduduk kampung.




كلمة الله بحفظ القرآن الكريم
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

فریغت اخیر کیتساعن تاهون ۱۴۴۷ھ

**MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QUR'AN
BERSERTA PEMAHAMANNYA**

PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN TAHUN 1447 HIJRAH

SELASA (HARI PERTAMA)
22 SYAABAN 1447 / 10 FEBRUARI 2026
KATEGORI 'A', 'B', 'C' DAN 'D'

RABU (HARI KEDUA)
23 SYAABAN 1447 / 11 FEBRUARI 2026
KATEGORI 'E' DAN MAJLIS PENUTUP

8:00 PAGI

DEWAN MUZAKARAH
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

IKUTI SIARAN LANGSUNG DI 

2382525 / 2382301 / 2382302 www.mora.gov.bn kheu.brunei

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 30 MURID



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar atas kanan, para pelajar yang diraikan pada majlis tersebut.

RIMBA, Ahad, 8 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran bagi seramai 30 Murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) diadakan pagi tadi di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat, diikuti bacaan surah-surah Al-Quran oleh para peserta khatam.

Bacaan takhtim dipimpin oleh Awang Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman manakala bacaan Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh peserta khatam, Awang Muhammad Adi Shahrizal bin Malekfaaisal.

Acara diteruskan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh Kumpulan Ahli Jawatankuasa Muslimah Masjid RIPAHS, merenjis minyak wangi serta penyampaian sijil khatam kepada

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



para peserta.

Cenderahati juga disampaikan kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Mohammad Hamiz Mirza, diikuti

sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Majlis seumpamanya bertujuan meraikan pencapaian para peserta menamatkan bacaan Al-Quran serta menggalakkan penghayatan Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

30 peserta terima sijil Program Ukhuwah Fillah Belia



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan sesi penyampaian sijil penyertaan dan penghargaan kepada salah seorang peserta Program Ukhuwah Fillah Belia.

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TUTONG, Ahad, 8 Februari. - Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Majlis Perundingan Mukim Kiudang dan Persatuan Pengakap Daerah Tutong mengadakan Majlis Penutup Program Ukhuwah Fillah Belia berlangsung di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong, petang tadi.

Program dua hari satu malam ini disertai oleh seramai 30 orang yang terdiri daripada golongan belia Daerah Tutong, Persatuan Pengakap Daerah Tutong, Ahli Takmir Masjid dan Mukim Kiudang.

Pelaksanaan program yang juga bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 dan menjelangnya bulan Ramadan ini antaranya bertujuan untuk mengeratkan silaturahim, persaudaraan dan ukhuwah dalam kalangan belia, di samping untuk memantapkan jati diri dan membentuk akhlak mulia mereka melalui pendekatan Islam syumul.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan sesi

penyampaian sijil penyertaan dan penghargaan kepada para peserta ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Walid Wathiq bin Awang Kharol Azmi, dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdilah.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada wakil peserta perkhemahan yang terdiri daripada Awang Muhammad Muizadin bin Muhad Muzaine dan Dayangku Syaza Bazilah binti Pengiran Sufri.

Persembahan daripada para peserta program juga menjadi penyeri pengisian majlis tersebut. Kemuncak majlis ialah sesi penyampaian sijil kepada peserta-peserta program perkhemahan sebelum diteruskan dengan bergambar ramai.

Sepanjang program ini, para peserta antaranya berpeluang mengikuti taklimat mengenai menghayati bendera dan lagu kebangsaan NBD dari pihak

4 pelajar berlepas ke Pulau Pinang, Malaysia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Ahad, 8 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) telah menyelaras penyertaan seramai empat orang pelajar dan dua orang guru pengawas untuk mengambil bahagian dalam pertandingan The 14th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2025/2026 yang dianjurkan oleh SEAMEO RECSAM bermula pada 9 hingga 12 Februari 2026 di Pulau Pinang, Malaysia.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Pusat STEP, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Pertandingan ini disertai oleh Awang Ahmad Khairi Zakwan bin

Haji Mohd. Marzuki dan Awang Muhammad Danny Daniel bin Abdullah dari Sekolah Menengah Rimba; dan Awang Muhammad Darwisy Syahmi bin Haji Mohd. Alimin dan Dayang Siti Nor Alya Amanina @Athirah binti Awang Haji Rahim dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Turut mengiringi pelajar-pelajar ialah Pegawai Pendidikan dari Sekolah Menengah Rimba, Lena Ang Yan Ping, dan Pegawai Pendidikan dari MSPSBS, Dayang Siti Nuraini binti Haji Japarin.

Tema pertandingan pada tahun ini ialah 'GREENOVATE: Youth Turning Vision into Action for a Sustainable Future'.


Sebanyak dua projek telah dipilih untuk dibentangkan dalam pertandingan ini iaitu

'RimbaScan: An AI Plant Assistant for Agriculture and Education' dari Sekolah Menengah Rimba dan 'Living on Pressure' dari MSPSBS.

Pertandingan ini memberikan penekanan terhadap kepentingan Pendidikan Hijau, Kesedaran Alam Sekitar, Kelestarian, Perubahan Iklim dan Pemikiran Keusahawanan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dan keutamaan serantau.

Peserta juga berpeluang untuk menerapkan asas STEM untuk mencipta projek penyelidikan dan produk inovatif yang menyumbang kepada masa depan yang lebih peka terhadap alam sekitar dan berdaya tahan.

Antara perisian program ialah penilaian bagi pameran projek, pembentukan dan permainan berunsurkan pendidikan yang menerapkan elemen STEM dan pendidikan hijau untuk pelajar.



SESI bergambar ramai para pelajar dan guru yang akan mengikuti The 14th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2025/2026 di Pulau Pinang, Malaysia.

Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong, sesi motivasi dengan pengisian kesihatan mental dan anti-buli yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali. Juga

diadakan, aktiviti bergotongroyong, aktiviti qiamullail dan aktiviti Jungle Trekking bagi menyusuri keindahan alam semula jadi.

Dengan penganjuran program

sedemikian, ia juga dihasrat untuk membina semangat kepimpinan kalangan belia yang berkualiti melalui sesi motivasi dan juga untuk meningkatkan ketahanan fizikal dan mental belia.

سوره سوري

دعاء: بهاس جيوا يڻ ڦالڻغ ٽولوس

جماعه يڻ درحمتي الله،

برتقوي له ڪيت ڪحضرة الله سُبحانه وُتعالَى دغن منيڪتڪن ڪلپمان ڪفدڻ. سسوغڪوهن اورغ يڻ ڦالڻغ مليا دسيسا الله سُبحانه وُتعالَى ايت ايله اورغ يڻ ڦالڻغ برتقوي. موده-مودهن ڪيت منجادي انسان يڻ سنتياس مغايڻي الله سُبحانه وُتعالَى، براوله ڪجيان دان ڪسلامن ددنيا دان جوڪ داخيرة.

الله سُبحانه وُتعالَى برفمان دالم سورة الاعراف آية ٥٥ :

بردعاء له ڪفد توهن ڪامو دغن رنده هاتي دان دغن سوارا يڻ ليوت. سسوغڪوهن الله تيدق سوڪ ڪفد اورغ-اورغ يڻ مملقاوي باتس.

جماعه يڻ درحمتي الله،

دالم ڪسيوقن دنيا يڻ تيدق فرنه برهنڻي، اد ڪلان هاتي مانسي تراس سسق، جيوا تراس ڪوسوڻ دان لغڪه تراس برت. دساعت ايتوله، دعاء منجادي سومر ڪتڻن ڪران اي اداله بهاس جيوا يڻ ڦالڻغ ٽولوس، يڻ لاهير دري هاتي يڻ سدر دان اِنصاف بهاوا تيدق اوتوق برڪتوڻغ دان مغادو ملاينڪن ڪفد الله سُبحانه وُتعالَى سمات-مات.

دعاء بوڪن سقندر اوجنن ديبير، بوڪن جوڪ لفظ تنفا معني. اي مغاندوغي ڦعاڪوان، فرموهونن دان جورهن هاتي ساورغ همبا ڪفد فنجيقتان يڻ تيدق مڻمو دترجه دغن ڪات-ڪات بياس. سسوغڪوهن الله سُبحانه وُتعالَى سنتياس مندغر. الله سُبحانه وُتعالَى مغالڪن ڪيت سلاڪو همبا-همبان اوتوق بردعاء سجارا لغسوڻ ڪفدڻ تنفا فراتارا. الله سُبحانه وُتعالَى برفمان دالم سورة البقرة آية ١٨٦ :

دان اقبيل همبا-همباڪو برتان ڪفد مو (واهاي ني محمد) مغياي اڪو مڪ (ڪاتڪن ڪفد مريڪ): "سسوغڪوهن اڪو سنتياس هممقر (ڪفد مريڪ). اڪو مفرڪنڪن فرموهونن اورغ-اورغ يڻ بردعاء اقبيل دي بردعاء ڪفد ڪو. مڪ هندقله مريڪ ايت مهاوت سروانڪو (دغن ممانوهي فريتهڪو) دان هندقله مريڪ برلمان ڪفدڪو سوڦاي مريڪ سنتياس براد دالم ڪنرن."

مڪ، جاغن سڪالي-ڪالي ڪيت راکو اوتوق بريجارا دغن الله سُبحانه وُتعالَى ملالوي دعاء. لواهنڪله ڪفدڻ سڪل يڻ تيدق ممقو ڪيت لواهنڪن ڪفد مانسي. جاغن توغڪو هيغڪ دانغ اوجين دان دوڪان، بارو ڪيت منجاري سجاده. بياساڪنله ديري ڪيت اوتوق بردعاء ڪيت ڪيت صيحت، ڪيت ڪيت سنغ، ڪيت ڪيت لافغ دان ڪيت ڪيت ڪميرا. ڪران اقبيل ساورغ همبا ممبياساڪن ديري بردعاء دڪلا سنغ، مڪ اقبيل دي برمنجات دالم ڪسوسهن دان ڪسمفين، ان شاء الله، دعاهن اڪن ليه موده دفرڪنڪن اوليه الله سُبحانه وُتعالَى. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْكَرْبِ فَلْيُكْرِ الدُّعَاءَ فِي الرَّحَاءِ.

مقصودن: سسياف سوڪا سوڦاي دمقبولڪن دعاهن اوليه الله فد وقتو ڪسولين دان ڪسوسهن، مڪ هندقله دي مفربايقن دعاه فد وقتو سنغ. {حديث روايه ترمذي}

جماعه يڻ درحمتي الله،

سسوغڪوهن دعاه اداله سنجات يڻ ڦالڻغ اُتقوه سرتا سومر ڪفواتن باڪي ساورغ مؤمن دالم مغهادي ساعت سوڪا ماهوقون دوڪا. اين ڪران دعاه حاضر سبباڪاي ثمان ستيا يڻ تيدق فرنه منيغڪلڪن ڪيت. اي منجادي عمقت منجوره فراسان دان اوتوق موهون فرتولوغن الله سُبحانه وُتعالَى. ساعت هاتي ڪيت دلندا رسه، دعاه ايت دانغ منغڪن. ساعت جيوا ڪيت دسلوبوغي ڪلڪن، دعاه ايت حاضر منجادي جهاي دان اقبيل فيڪرن سرتا جانن ڪيت تراس بوتنو، مڪ دعاه ايت دانغ مياوا هارفن.

دالم اڪام ڪيت، دعاه بوڪن سقندر ساتو ريتوال بهڪن اي مروفانڪن ساتو بنتوق عبادت يڻ مندڪن ساورغ همبا ڪفد خالڦن. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الدُّعَاءِ.

مقصودن: تيدق اد سساتو (ذڪر دان عبادت) يڻ ليه موليا دسيسا الله دري دعاه. {حديث روايه ترمذي}

فرلو دايعت، بهاوا تيدق ساتو فون دعاه يڻ سيا-سيا دسيسا الله سُبحانه وُتعالَى. سسوغڪوهن الله سُبحانه وُتعالَى منجواب ستياف دعاه دغن جارا يڻ ڦالڻغ بيحسان. جوافن الله سُبحانه وُتعالَى دانغ دالم فلپاڪاي بنتوق، اناران:

فرتام: دمقبولڪن سقرتي يڻ دميتا يابت فد وقتو يڻ دتنتوڪن اوليه الله سُبحانه وُتعالَى، سسواي دغن ڪفرلوان همبا-همبان.

ڪدوا: دتغوهڪن ڪسواتو ماس يڻ ليه بابڪ، سوڦاي همبا ترسيوت بلاجر برصر دان اڪر ليه مغير ڪاي نعمت ڪورنيان الله سُبحانه وُتعالَى.

ڪتيڪ: دڪنتيڪن دغن سسواتو يڻ ليه بابڪ سام اد دالم بنتوق ڪنجرن داخيرة اوتوقن دجاديڪن سبباڪاي فتولق بلاء دغن دجاوهڪن درقد ڪبوروقن اوليه الله سُبحانه وُتعالَى.

اوليه يڻ دمياڪيان، جاغن سڪالي-ڪالي ڪيت برفوتوس اما دالم بردعاء. سسوغڪوهن الله سُبحانه وُتعالَى تيدق فرنه لاڻاي دان دعاه يڻ لاهير درقد هاتي يڻ فنه ڪيفينن فسقي اڪن ڪمبالي ڪفد ڪيت دالم بنتوق رحمة دان ڪبايڪن. درقد ابو سعيد الخدري رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، بهاوا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدْعُو بِدَعْوَةٍ لَيْسَ فِيهَا إِيمٌ، وَلَا قَطِيعَةٌ رَحِمٍ، إِلَّا أَعْطَاهُ اللهُ بِمَا إِخْدَى ثَلَاثَ: إِمَّا أَنْ تُعْجَلَ لَهُ دَعْوَتُهُ، وَإِمَّا أَنْ يَدْخِرَهَا لَهُ فِي الآخِرَةِ، وَإِمَّا أَنْ يَصْرِفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهَا.

مقصودن: تيدقله ساورغ مسلم بردعاء يڻ تيدق مغاندوغي دوسا دان تيدق برتوجوان موتوس صلة الرحيم، ملاينڪن الله اڪن ممقبولڪن دغن تيك جارا: الله اڪن ممقبولڪن دعاهن سسڪرا موغڪين، الله اڪن ميمفن (منجاديڪن فها) باڪين داخيرة ڪلق دان الله اڪن منجاوهڪن درين ڪبوروقن. {حديث روايه احمد}

جماعه يڻ درحمتي الله،

انارا عمالن يڻ ساعت دانجورڪن دالم اسلام ايله مندعاءڪن ڪبايڪن اوتوق اورغ لايڻ. لغڪه ايندهن اجرن اسلام اقبيل ڪيت دانجورڪن اوتوق ساليغ مندعاءڪن انارا ساتو سام لايڻ، سام اد اورغ يڻ ددعاءڪن ايت مغهوين اتاوقون تيدق. سسوغڪوهن عملن اين منجرمينڪن ڪاسيه سايغ دان مروفانڪن تندا اُخوة يڻ سجاتي. درقد ابو ذرذاء رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: دَعْوَةُ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابَةٌ، عِنْدَ رَبِّهِ مَلَكَ مُوَكَّلٌ، كُلَّمَا دَعَا لِأَخِيهِ بِخَيْرٍ قَالَ الْمَلَكُ الْمُوَكَّلُ بِهِ: آمِينَ، وَكَذَلِكَ يَمُوتُ.

مقصودن: دعاه ساورغ مسلم اوتوق سواران (يڻ لايڻ) سجارا ديام-ديام اداله مستحب. داتس ڪفلان اد ملائڪه يڻ دتوڪسڪن، ستياف ڪالي دي مندعاءڪن سواران دغن ڪبايڪن، ملائڪه ايت برڪات: آمين، دان اغڪاو فون اڪن مفراوليه سقرتي يڻ اغڪاو اوجڪن. {حديث روايه امام مسلم}

اقبيل ڪيت مفرولاس دعاه دغن مندعاءڪن ڪبايڪن بوڪن هان اوتوق ديري سنديري، تنافي جوڪ اوتوق اورغ لايڻ سقرتي مندعاءڪن راج ڪيت، اهل ڪلوارڪ، صحابت، جيون بهڪن اومت اسلام سلوروهن. اي بوڪن سقندر تندا ڪاسيه سايغ دان ڪفريهاتين، بهڪن اي مروفانڪن بوقي هاتي ڪيت يڻ برسبه دان جيوا يڻ فنه دغن احسان. تنفا ڪيت سدري، دعاه يڻ ڪيت فنحتڪن اوتوق مريڪ منجادي اسباب تورونن ڪنجانن يڻ بسر ڪفد ديري ڪيت سنديري.

مڪ اوليه ايت، ماريله ڪيت منادهڪن تاغن دان بردعاء اڪر راج يڻ ڪيت ڪاسيهي سنتياس دالم عناية الله سُبحانه وُتعالَى، دڪورنياڪن ڪصيحتن، ڪعافين، دلنجوتڪن اوسيا دان ڪكل قرار مرميته بومي دارالسلام يڻ برتواه اين. موده-مودهن رعيت دان فلدودوق دبومي دارالسلام اين سنتياس دالم فرليندوڻغن الله سُبحانه وُتعالَى، صيحت والعاقيه، امان داماي، سجهزا سرتا معمور دباوه ڪفيمقين راج يڻ عاديلا لائي بيحسان. بڪينو جوڪ، سموڪ سلوروه اومت اسلام يڻ سدغ برجواغ، دتندس دان داوجي دسرات دنيا. داغڪت فنديتان مريڪ اوليه الله سُبحانه وُتعالَى، دتوهڪن هاتي مريڪ دالم فرجواغن دان دڪورنياڪن ڪفد مريڪ ڪمنغن اوليه الله سُبحانه وُتعالَى ددنيا دان جوڪ داخيرة. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

دان توهن ڪامو برفمان: "بردعاء له ڪفدڪو نسجا ي اڪو مفرڪنڪن دعاه ڪامو. سسوغڪوهن اورغ-اورغ يڻ مومبوغڪن ديري درقد برعبادة ڪفدڪو اڪن ماسوق نراك جهنم دالم ڪادان هينا. {سورة غافر آية: ٦٠}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا تَوَّابُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِمَا قُوَّزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِ.

BANTU PELAJAR MENERUSKAN PEMBELAJARAN, PENGAJIAN KE PERINGKAT LEBIH TINGGI



YANG Dipertua MKM, Awang Mohamad Yusof bin Shaikh Abdul Halim semasa menyerahkan dermasiswa kepada salah seorang penerima.

MANGGIS, Ahad, 8 Februari. - Seramai 15 pelajar yang telah dan ketika ini menerima dermasiswa Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) diraikan pada Majlis Ramah Mesra, hari ini bertempat di salah sebuah restoran di Manggis, di sini.

Para pelajar yang diraikan adalah mereka yang sedang mengikuti pembelajaran di institusi - institusi pengajian tinggi, antaranya Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Politeknik Brunei (PB).

Dermasiswa berkenaan adalah dalam bentuk bayaran yuran

sepanjang pengajian dan bayaran pengangkutan.

Antara 18 pelajar yang menerima dermasiswa MKM ialah Wong Ru Kait, Moh Yee Lin dan Elizabeth Luwie anak Mulin.

Wong Ru Kait merupakan pelajar tahun akhir di UTB dalam jurusan Mathematical Finance, manakala Moh Yee Lin pula ialah pelajar tahun akhir di UTB dalam jurusan Civil Engineering.

Manakala, Elizabeth Luwie merupakan mantan pelajar PB dalam jurusan Mechanical Engineering dari 2023 hingga 2025. Mereka telah menerima

dermasiswa MKM sejak menuntut di Pusat Tingkatan Enam Belait.

Terdahulu, Yang Dipertua MKM, Awang Mohamad Yusof bin Shaikh Abdul Halim dalam ucapannya berkata, kecemerlangan akademik bukan hanya untuk pelajar yang 'paling pandai'.

Menurutnya, kecemerlangan datang daripada disiplin, konsisten dan semangat untuk terus berusaha walaupun penat dan takut gagal.

"Hari ini MKM membantu kamu. Para penyumbang membantu kamu. Tetapi satu hari nanti, bila kamu sudah bekerja dan sudah stabil, MKM berharap kamu pula membantu orang lain.

"Kamu bukan sekadar pelajar. Kamu adalah harapan. Kamu adalah bukti bahawa seorang anak boleh mengubah nasib sebuah keluarga. Terus belajar. Terus berusaha. Terus melangkah.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati perjalanan kamu semua, memudahkan urusan kamu dan menjadikan kamu insan yang bukan sahaja berjaya, tetapi juga bermanfaat kepada masyarakat," ujarnya lagi.

Sementara itu, Ketua Unit Pendidikan Dana dan Biasiswa MKM, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah, selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapannya menyatakan majlis berkenaan diadakan atas keprihatinan dan sikap

pemeduliaan pihak MKM terhadap pelajar-pelajar yang menerima dermasiswa dari MKM.

Menurutnya, setakat ini MKM telah membantu membiayai seramai 18 pelajar daripada peringkat 'O' level sehingga pengajian tinggi, iaitu universiti. Majlis seumpama berkenaan dapat memberi peluang kepada semua pelajar untuk berjumpa secara bersemuka dengan ahli-ahli MKM.

Para pelajar yang diraikan turut berkesempatan untuk mendengarkan taklimat mengenai fungsi serta segala kegiatan yang dilaksanakan oleh MKM.

Dalam pada itu, para

■ **Berita dan Foto : Aimi Sani**

pelajar turut meluahkan rasa syukur dan amat berterima kasih kepada MKM kerana bantuan berkenaan telah membuka peluang kepada mereka untuk meneruskan pengajian tinggi, sekali gus mendekati mereka kepada cita-cita untuk menjadi graduan universiti.

Dermasiswa yang dihulurkan oleh MKM melalui sumbangan kewangan daripada para dermawan, bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang terpilih bagi meneruskan pembelajaran dan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

PCHS galakkan peserta amalkan gaya hidup sihat



PUSAT Promosi Kesihatan bersama AuraHealth telah menjalankan Komponen Demontrasi Memasak, dengan tujuan untuk memperkasakan peserta dengan kemahiran memasak yang praktikal serta pengetahuan pemakanan melalui demonstrasi penyediaan hidangan yang sihat, lazat dan seimbang.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Program Cara Hidup Sihat (PCHS) merupakan satu inisiatif di bawah Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan untuk membantu peserta yang mengalami obesiti dalam pengurusan berat badan melalui pendekatan gaya hidup sihat selama enam bulan.

Program ini menggunakan pendekatan menyeluruh yang menumpukan kepada kesihatan fizikal, pemakanan sihat dan kesejahteraan mental melalui pendidikan kesihatan, preskripsi senaman dan sesi senaman berkumpulan, serta strategi perubahan tingkah laku, dengan pemantauan dan bimbingan berterusan oleh Satria Kesihatan.

Sehubungan itu, PCHS Kohort 2 menjalani komponen pemakanan yang memberi fokus kepada pembinaan tabiat makan sihat yang praktikal, mudah difahami dan boleh diamalkan secara berterusan.

Komponen ini disusun secara berperingkat untuk membimbing peserta daripada pemahaman asas pemakanan dan seterusnya kemahiran menyediakan hidangan sihat di rumah, bagi menyokong penurunan berat badan yang realistik dan mampan.

Pusat Promosi Kesihatan bersama AuraHealth baru-baru ini menjalankan Komponen Demontrasi Memasak (*Cooking Demonstration*) yang bertempat di AuraHealth Studio.

Seramai 35 orang peserta telah menyertai aktiviti ini. Para peserta memberikan respons yang sangat baik bagi sesi Demontrasi Memasak ini kerana berpeluang mempelajari bahan masakan yang lebih sihat serta teknik penyediaan makanan (*meal prepping*) yang praktikal dan mudah diamalkan dalam kehidupan seharian.

Objektif bagi komponen ini adalah untuk memperkasakan peserta dengan kemahiran memasak yang praktikal serta pengetahuan pemakanan melalui demonstrasi penyediaan hidangan yang sihat, lazat dan seimbang.

Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan berharap komponen pemakanan ini dapat meningkatkan keyakinan peserta dalam membuat pilihan makanan yang lebih baik, serta memudahkan amalan pemakanan sihat dipraktikkan secara konsisten dalam rutin harian.

Penyerahan buku dikir untuk diwakafkan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Ad Hoc Sekolah Rendah Dato Marsal 1991-1998**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Ahli Jawatankuasa Ad Hoc Sekolah Rendah Dato Marsal (SRDM) 1991-1998 telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa serta Penyerahan Buku Dikir untuk diwakafkan ke masjid-masjid terpilih di Negara Brunei Darussalam berlangsung di rumah kediaman Dayang Hajah Adliah binti Haji Maidin di Jerudong.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa dikhususkan kepada ibu bapa, keluarga dan guru-guru SRDM serta kaum Muslimin dan Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyerahan Buku Dikir oleh mantan Penolong Guru Besar SRDM, Dayang Hajah Rosinah binti Haji Md. Jaafar kepada Pengerusi Ad Hoc SRDM, Haji Awang Othman bin Abd. Rahman.

Buku Dikir tersebut adalah wakaf daripada mantan guru-guru SRDM 1991-1998. Pada tahun lepas Jawatankuasa Ad hoc SRDM telah mengukaykahkan wakaf Buku Yaa Siin untuk sekolah dan masjid-masjid yang terpilih.

Wakaf buku, terutamanya yang menyokong aspek kerohanian adalah satu pelaburan akhirat yang sangat berharga. Ia adalah mekanisme yang ampuh untuk memastikan ilmu Islam kekal subur, mudah diakses, dan sentiasa diamalkan, sekali gus menjamin ganjaran pahala yang tidak terputus bagi pewakaf.



SESI bergambar ramai pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa serta Penyerahan Buku Dikir yang berlangsung di rumah kediaman Dayang Hajah Adliah binti Haji Maidin di Jerudong.

SMPDSM ANJUR HARI KERJAYA 2026



MAJLIS Pelancaran Hari Kerjaya Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Tahun 2026 telah mengambil tempat di Dewan Mutiara Jubli sekolah berkenaan.

MENTIRI, Sabtu, 7 Februari. - Sebagai matlamat untuk menyuntik semangat pelajar-pelajar agar lebih fokus dalam pembelajaran sekali gus membantu mereka dalam menentukan hala tuju kerjaya yang diimpikan suatu hari nanti, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Mentiri pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Hari Kerjaya SMPDSM Tahun 2026 bertempat di Dewan Mutiara Jubli, sekolah berkenaan.

Antara yang hadir bagi sama-sama menyertai acara berkenaan ialah Pengetua SMPDSM, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus; salah seorang Alumni SMPDSM,

Leftenan Kolonel (U) Muhd. Adif bin Haji Zaman yang juga selaku tetamu jemputan; timbalan-timbalan pengetua, ketua guru kerjaya dan ahli jawatankuasa induk Hari Kerjaya, guru-guru dan para pelajar.

Semasa menyampaikan ucapan pelancaran, Awang Haji Malai Shah Eran antara lain menyatakan Hari Kerjaya itu bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada pelajar-pelajar agar berani bermimpi besar dan mula memikirkan hala tuju kerjaya masing-masing bermula dari sekarang; dan juga bagi mendedahkan golongan pelajar kepada pelbagai pilihan kerjaya

yang wujud dalam dunia masa kini iaitu zaman generasi digital dan teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI).

Beliau turut menambah, pelaksanaan acara berkenaan juga bertujuan bagi menghubungkan pembelajaran dengan cita-cita masa depan agar pelajar-pelajar memahami bahawa pendidikan adalah jambatan utama menuju kejayaan, di samping untuk membina keyakinan diri dan semangat juang supaya para pelajar dapat membayangkan diri mereka mencapai impian.

Ini sekali gus dihasrat mampu memupuk sikap tanggungjawab, disiplin dan kesungguhan dalam

Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

mempersiapkan diri mereka untuk masa depan bagi sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam masyarakat dan juga negara.

Terdahulu, Pengetua SMPDSM meluahkan kesyukuran dalam suasana perhimpunan Hari Kerjaya yang menjadi satu detik bersejarah bagi SMPDSM yang mana ia bukan sekadar satu acara biasa, tetapi merupakan hari yang penuh dengan impian, inspirasi dan harapan untuk mengejar cita-cita pada masa hadapan.

"Saya amat gembira melihat suasana sekolah yang meriah dan berwarna-warni dengan para pelajar memakai kostum yang melambangkan cita-cita kerjaya masa depan masing-masing.

"Ada yang berangan-angan mengejar cita-cita untuk menjadi doktor, juruterbang, jurutera, guru, usahawan, saintis, anggota beruniform, artis dan pelbagai lagi. Setiap kostum yang dipakai hari ini melambangkan sebuah impian, dan setiap impian adalah permulaan kepada perjalanan yang bermakna," ujarnya.

Awang Haji Malai Shah Eran juga menyatakan kostum yang pelajar-pelajar pakai hari ini bukan sekadar hiasan, tetapi simbol kepada siapa pelajar ingin jadi pada masa hadapan.

"Kejayaan tidak datang dengan mudah. Ia memerlukan usaha, ketekunan, akhlak yang baik dan nilai yang kukuh. Mulakan hari ini, mulakan dengan langkah kecil, tetapi jangan sesekali berhenti mengejar impian awda," nasihatnya.

Hari kerjaya berkenaan turut diserikan lagi dengan sesi pelancaran media sosial Instagram ramai Unit Kerjaya diikuti dengan paparan video berkisar objektif, pengisian dan fungsi unit tersebut yang mana telah disempurnakan sesi pelancarannya oleh Pengetua SMPDSM.

Sementara itu, acara turut menyaksikan sesi pengenalan dan pelantikan Pembimbing Rakan Kerjaya (PRK) daripada kalangan pelajar-pelajar yang terpilih dan ikrar pelantikan baharu mereka.

Sesi penyampaian hadiah Pakaian Terbaik bagi empat kategori utama iaitu pelajar lelaki, pelajar perempuan, guru lelaki dan guru wanita juga mewarnai suasana kemeriahan acara tersebut.

Sejurus bergambar ramai, acara menyaksikan sesi pembukaan Bilik Unit Kerjaya oleh Pengetua SMPDSM yang mana ia telah dikendalikan oleh guru-guru kerjaya sekolah tersebut dengan kerjasama PRK yang dilantik.

Beri kemudahan, bimbingan hala tuju kerjaya pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Penubuhan Bilik Unit Kerjaya Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Mentiri ini bertujuan untuk memberikan kemudahan dan bantuan

perkhidmatan bimbingan hala tuju kerjaya bagi semua pelajar di sekolah berkenaan termasuklah para alumni SMPDSM yang dibuka pada bila-bila waktu persekolahan jika mereka memerlukan sebarang saranan

atau nasihat lanjut.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran SMPDSM, Dayang Radiah binti Haji Abd. Ladi semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei bagi mengulas mengenai Bilik Unit Kerjaya SMPDSM yang baru sahaja dibuka rasmi oleh Pengetua SMPDSM, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus sejurus Majlis Pelancaran Hari Kerjaya SMPDSM Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Mutiara Jubli, sekolah tersebut, pagi tadi.

"Secara keseluruhannya, seramai lapan orang guru khas dari Unit Kerjaya SMPDSM yang mengendalikan Bilik Unit Kerjaya berkenaan dengan kerjasama Pembimbing Rakan Kerjaya yang terdiri daripada kalangan pelajar sekolah ini yang dilantik. Pendedahan maklumat hala tuju

kerjaya ini dibukakan meliputi semua aliran pendidikan pelajar di sekolah ini tidak terkecuali bagi pelajar-pelajar di bawah program Pra-Vokasional dan juga BTEC," tambahnya.

Dayang Radiah turut berharap dengan adanya Bilik Unit Kerjaya ini secara langsung dapat meningkatkan motivasi dan semangat juang para pelajar demi menentukan masa depan mereka tidak kiralah bagi mereka yang ingin melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi mahupun mencari laluan kerjaya mereka yang bersesuaian.

Menerusi Bilik Unit Kerjaya SMPDSM ini juga akan dimuatkan lawatan dari agensi-agensi, institusi-institusi tinggi ke SMPDSM untuk memberitahu cara-cara dan syarat-syarat kemasukan ke tempat mereka dan juga lawatan pelajar-pelajar ke agensi-agensi

dan institusi-institusi tinggi yang berkaitan.

Di samping itu, guru-guru kerjaya yang terlibat juga akan memberikan pendedahan kepada para pelajar untuk mengetahui cara-cara mengisi borang permohonan pekerjaan dan juga teknik temu duga bagi meningkatkan keyakinan diri mereka dari semasa ke semasa.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) semasa ditemu bual (kanan), manakala gambar kiri, Bilik Unit Kerjaya SMPDSM yang baru sahaja dibuka rasmi.



Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Masjid Universiti, UBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Dalam sama - sama menyambut kedatangan bulan Ramadan, sudah menjadi satu kebiasaan bagi setiap masyarakat Islam di negara ini mengadakan Majlis Tahliil dan Doa Arwah bagi memperingati penduduk kampung atau ahli

keluarga yang telah meninggal dunia.

Jemaah dan muslimah serta keluarga Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi mengadakan acara tahunan Majlis Tahliil dan Doa Arwah berlangsung di Higher Hotel, Kiulap.

Jemaah Masjid Universiti anjur Majlis Tahliil, Doa Arwah

SUASANA pada Majlis Tahliil dan Doa Arwah anjuran Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam yang diadakan di Higher Hotel, Kiulap (kiri dan kanan).

Majlis tersebut dihadiri oleh Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba Kawasan 6, Awang Joefrey bin Md. Yassin serta mantan Ketua Kampung RPN Rimba Kawasan 2. Bacaan Tahliil dan Doa Arwah telah dipimpin oleh Bilal Masjid Universiti, Awang Haji Jalil bin Haji Jali.




**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah-Sekolah Ugama
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei dan Muara

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 12 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Pelambayan,
Kawasan Brunei I

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 18 / 06

No Tawaran:
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri
Aziemah Ni'matul Bolkihah, Kampung
Mentiri, Kawasan Brunei II B

Daerah Tutong

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 36 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Penanjong,
Tutong I

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 37 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Sengakarai,
Tutong I

Daerah Belait

No Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN / 46 / 06

Nama Sekolah Ugama:
Sekolah Ugama Sungai Taring,
Lumut, Belait

Tarikh Tutup:
Rabu, 7 Ramadan 1447H / 25
Februari 2026M


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran:
MFA / PENT / 01 / 2026
Penyediaan, Pembekalan dan
Pengantaran Makanan dan
Minuman Bagi Acara Rasmi
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri Pada 26 - 29 April 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS /
J05 / 2025 - 2026

**Keterangan Tajuk
Sebut Harga:**

Membekal, Menyediakan dan
Mengemas Jamuan Berbuka
Puasa Bagi Rombongan
Majlis Tadarus Di Istana Nurul
Iman Pada Bulan Ramadan
Tahun 1447H / 2026M

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

Rabu,
23 Syaaban 1447H /
11 Februari 2026M,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Bagi Perkhidmatan
Kawal Keselamatan
Ke Atas Bangunan
Sekolah-Sekolah dan
Maktab-Maktab,
Kementerian Pendidikan

**MOE / LTK / 13 / 2026 / 2027
(AKS-FEB-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Kawal Keselamatan Ke Atas
Bangunan Sekolah-Sekolah dan
Maktab-Maktab,
Kementerian Pendidikan
Bagi Sekolah Menengah
Pengiran Anak Puteri Hajah
Rashidah Sa'adat Bolkihah,
Daerah Belait,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Perkhidmatan
Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu:
24 Februari 2026
- Selasa
[Tidak lewat
Jam 12.00 Tengah Hari]


**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

bagi

DAERAH TEMBURONG

**1. Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok**

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Temburong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah
Temburong khususnya Kampung
Lepong Baru, Kampung Lepong
Lama, Kampung Semabat,
Kampung Temada dan Kampung
Kenua bagi mengisikan jawatan
sebagai Ketua Kampung Lepong
Baru, Mukim Bokok.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup mengemalakan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu,
8 Syawal 1447 bersamaan
28 Mac 2026,
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
5221266 / 265 sambungan 116 /
118 / 119 atau 5221110.

Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua-Ketua
Kampung, Daerah Temburong

**1. Ketua Kampung Senukoh,
Mukim Labu**
- Kampung Lepong Baru
- Kampung Lepong Lama
- Kampung Semabat
- Kampung Temada
- Kampung Kenua



JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**PENGHULU MUKIM TINGKAT III -
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)**

BAGI DAERAH TEMBURONG

Penghulu Mukim Zon 2

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Temburong dengan
sukacitanya mempelawa dan
menjemput penduduk-penduduk
yang bermastautin di Mukim Bokok
dan Mukim Amo, Daerah
Temburong untuk menghadapkan
pencalonan bagi mengisikan
jawatan sebagai Penghulu Mukim
Zon 2 di Daerah Temburong.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati
dan dikembalikan ke alamat
seperti berikut: -
**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup mengemalakan borang
pencalonan adalah pada Sabtu,
8 Syawal 1447 bersamaan
28 Mac 2026, jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
5221110.

**Mukim-Mukim Tadahan Jawatan
Kosong Bagi Penghulu Mukim
Zon 2, Daerah Temburong:**
- Mukim Bokok
- Mukim Amo


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama
Dokumen Sebut Harga:**
30 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Buku Program Dan
Pelbagai Percetakan Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari
Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam Ke-42, Tahun 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.14 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Peralatan Projek
EPG PR Migration Contingency
System Bagi Jabatan
Perbendaharaan, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
28 Februari 2026
- Sabtu (9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:

Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
16 Februari 2026,
Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
9 Mac 2026,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
10 Mac 2026,
Selasa

Kepada:
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
[KA01]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 37 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih 'Airfield
Pavement' Di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei – Fasa II
– Retender

Yuran Tawaran:
BND5000.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KPB17 Atau KPB18

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
Dari Jam 2.00 Petang,
Selasa,
24 Februari 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 29 / 2025

Nama Projek:
Menilai Kondisi
Struktur Jambatan
- Retender.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Kantin Dikhaskan Bagi
Golongan Keusahawanan
Mikro, Kecil Dan Sederhana
(MSME)**

**DA / JKSH / 148 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2025]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Berakas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:
Tahun Pertama**

6 Bulan Pertama:
BND497.00
(sebulan)

4 Bulan Terakhir:
BND994.00
(sebulan)

Tahun Ke-2 & Tahun Ke-3:
BND994.00 (sebulan)

Jumlah Tiga (3) Tahun:
BND26,838.00
tiga (3) tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas

1. Syarikat Yang Mempunyai
Premis Perniagaan Di Daerah
Brunei Muara Sahaja.
2. Telah Memperolehi Sijil Dan
Mengikuti Kursus-Kursus
Keusahawanan Seperti Livewire,
BIBD Seeds, Dare Atau Pihak
Agensi Yang Berkaitan Dengan
Bidang Pemakanan.
3. Tidak Pernah Dilantik Sebagai
Kantin Pembekal Bagi (MSME).
4. Melampirkan Keterangan
Pengalaman Dalam Perkhidmatan
Pemakanan.



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran Tapak
Bagi Menjalankan
Perusahaan Pertanian
(Tanaman, Agrimakanan dan
Agripelancongan)
Seluas 12 Hektar
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian (KKP) Katok,
Daerah Brunei dan Muara

Bilangan:
01 / 2026

TAWARAN bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha
untuk menghadapkan
permohonan bagi menyewa
tapak di Kawasan
Kemajuan Pertanian (KKP)
seperti berikut :-

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan
Pertanian (KKP)
Katok
Daerah Brunei dan Muara

Keluasan:
12 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman,
Agrimakanan dan
Agripelancongan

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin,
9 Februari 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
9 Mac 2026

**Tarikh Akhir
Menghantar:**
Khamis,
9 April 2026
sebelum jam 3.00
petang

**Harga Penjualan
Borang:**
BND1.00 / borang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
25 / NOVEMBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal
Tiga (3) Tahun
Bagi Pembekalan dan
Perkhidmatan Menjahit Baju Cara
Melayu Program Khidmat Bakti
Negara (PKBN)

Bilangan Sebut Harga:
26 / NOVEMBER /
KKBS / BKBN / 1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
Bagi Pembekalan dan
Perkhidmatan Menjahit Baju
Kurung Program Khidmat
Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Februari 2026



**Bilangan
Sebut Harga:**
17 / JULY / 2025 /
KKBS / PJK / 16.22 (R)

**Tajuk
Sebut Harga:**
Mechanical And Electrical
Term Maintenance For
A Period Of Twenty-Four
(24) Months
For

- 1) Pusat Pembangunan Belia; &
- 2) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office
(Requotation)

Tarikh Tutup:
26 Februari 2026



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 005 / 2025 – (T)

Keterangan:
Renovation Works For Sultan
Hassanal Bolkiah Institute Of
Education Joint Centre, Universiti
Brunei Darussalam

Kelas:
II and above

Kategori:
B01, E01

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen)
BND35.00 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 Februari 2026



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 72
To Design, Provide Copywriting,
Editorial, Printing And Delivery
Of Promotional Brochures
For Cruise Tourism At
Sea Trade Cruise
Global 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
12 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



110 PELAJAR SERTAI TAKLIMAT 'TIPS-TIPS PENJIMATAN AIR'

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Jabatan Kerja

Raya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air

mengadakan 'Program Kesedaran Mengenai Penjimatan Air' bagi penuntut di Sekolah Rendah Batu Marang, pagi tadi.

Taklimat yang bertajuk 'Tips-tips penjimatan air' disampaikan oleh Jurutera, Dayang Amal Aqilah binti Haji Mohammad Noorilham dengan dihadiri seramai 110 orang pelajar dari Pra hingga Tahun 6.

Program Kesedaran Mengenai Penjimatan Air ke sekolah-sekolah ini akan dilartakan ke Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab pada Selasa, 10 Februari 2026.



PARA pelajar dari Pra hingga Tahun 6 Sekolah Rendah Batu Marang semasa menghadiri taklimat yang disampaikan oleh Jurutera JKR di sekolah tersebut.



جابرین کاجی چولچا برونی دارالسلام
BDMD
 Brunei Darussalam
 Meteorological
 Department

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
 KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
 AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
 AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49
 68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Hayati, hormati, pelihara bendera negara, lagu kebangsaan

TEMBURONG, Sabtu, 7 Februari.

- Setiap negara di dunia memiliki bendera rasmi dan lagu kebangsaan masing-masing - termasuklah Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kitani perlu merasa bangga kerana memiliki bendera negara dan lagu kebangsaan sendiri. Justeru, bendera negara dan lagu kebangsaan kita perlu dihayati, dihormati dan dipelihara. Dari itu, kibarkanlah dengan megah bendera negara dan nyanyikanlah Lagu Kebangsaan NBD dengan penuh penghayatan dan penghormatan.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi menekankan perkara tersebut semasa memberikan sesi Taklimat Kenegaraan hari ini bertempat di Dewan Sekolah Arab Temburong, di sini.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan NBD', Awang Haji Ariffin antara lain menerangkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah juga Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, dan Menteri Kewangan dan Ekonomi, dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan pada 15 Julai 1946 di Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) dan baginda dimasyhurkan sebagai Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota pada tahun 1961.

Sementara dalam perkara Bendera NBD pula mempunyai enam bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran serta bendera jabatan kerajaan yang berpakaian seragam iaitu Bendera Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Bendera Cucu Pengiran

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Azmah Haji Ahad



TAKLIMAT berkenaan telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Perdana Wazir, Bendera Pengiran-Pengiran Kebanyakan, Bendera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Bendera Pasukan Polis Diraja Brunei.

Seramai 51 pelajar dari Tahun 5 hingga 8 sekolah tersebut mendengarkan taklimat berkenaan yang merupakan program Jabatan Penerangan dalam sama-sama membarigakan dan menyalurkan informasi terutama sekali kepada generasi muda.

Sejurus taklimat, kuiz seterusnya diadakan kepada pelajar bagi menguji kefahaman mereka dengan taklimat yang disampaikan. Hadir mendengarkan taklimat, Guru Besar sekolah

berkenaan, Dayang Serikartini binti Haji Omar yang juga menyampaikan hadiah pemenang kuiz.

Taklimat seumpama ini antara langkah berterusan yang dilaksanakan Jabatan Penerangan bertujuan menyemai cinta raja, agama dan negara serta memupuk semangat patriotisme dalam kalangan penuntut.

Selain itu, taklimat merangkumi sejarah, tatacara menaikkan bendera, dan lagu kebangsaan serta Kuiz Kenegaraan. Objektifnya antaranya mengukuhkan solidariti, patriotisme dan kenegaraan dalam diri pelajar.



PENGISIAN program tersebut juga termasuk kuiz bagi menguji kefahaman pelajar dengan taklimat yang disampaikan.

Tingkatkan kesedaran, kewaspadaan ancaman jenayah dalam talian



TAKLIMAT bertajuk 'Jenayah Siber (Penipuan Dalam Talian dan Kepentingan Mengamalkan Kewaspadaan di Platform Media Sosial)' bertujuan meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan orang awam terhadap ancaman jenayah dalam talian.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah telah mengadakan Siri Kempen Kesedaran bagi Warga Kerja JKR di Dewan Atria Simpung, Bangunan Ibu Pejabat JKR.

Taklimat yang bertajuk 'Jenayah Siber (Penipuan Dalam Talian dan Kepentingan Mengamalkan Kewaspadaan di Platform Media Sosial)' telah disampaikan oleh Pegawai Unit Penyelidikan dan Perkembangan Siber, Bahagian Siasatan Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad.

Seramai 90 pegawai dan kakitangan warga kerja JKR telah menghadiri taklimat tersebut. Antara objektif taklimat adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan orang awam terhadap ancaman jenayah dalam talian. Ia bertujuan mendidik masyarakat mengenai modus operandi penipuan, keselamatan data peribadi serta mengurangkan risiko menjadi mangsa.

IMBASAN MINGGUAN



PUSAT Pekerjaan Brunei (PPB) menganjurkan Hari Terbuka PPB 2026 yang bertujuan untuk mengongsikan serta memperkenalkan perkhidmatan, inisiatif dan program-program PPB secara bersemuka kepada para pencari kerja tempatan dan orang awam (kiri dan bawah kiri). - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

PAMERAN sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun menampilkan pelbagai pengisian interaktif bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah Polis, Gadong. - Foto : Nurdiyana Rajami.

ANTARA aksi pemain pada Kejohanan Picklrs Open. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie bin Pg. Haji Nikman.



ANTARA aksi perlawanan pada Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (Brunei Youth League - BYL U18) yang diadakan di Jerudong Park Mini Stadium. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

60 ejen berdaftar, berlesen di bawah JKP

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Februari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa JKP merupakan pihak pengawal selia bagi ejen pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239.

Mana-mana syarikat atau individu yang menjalankan apa-apa juga aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan seperti yang terkandung di dalam Akta Pelancongan, Penggal 239, tanpa lesen yang sah maka ia adalah menyalahi undang-undang di bawah Bab 11(1), Akta Pelancongan, Penggal 239.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman, iaitu denda tidak melebihi BND10,000, penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan berterusan, denda maksimum sebanyak BND100 bagi setiap hari boleh dikenakan di bawah akta yang sama.

Untuk makluman, mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mengendalikan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ejen pelancongan mestilah membuat permohonan ke JKP bagi mendapatkan lesen.

Seterusnya, bagi syarikat yang sudah berlesen dan bercadang untuk mengendalikan perkhidmatan haji atau umrah, hendaklah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sehubungan dengan itu, JKP ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk hanya membuat berurusan dengan ejen-ejen pelancongan yang berlesen bagi sebarang tempahan tiket, pakej percutian dan sebagainya, sama ada di dalam atau luar negara, termasuk pakej haji dan umrah.

JKP juga ingin mengongsikan kepada orang ramai senarai ejen-ejen pelancongan terkini yang berlesen di bawah JKP, dan boleh didapati melalui laman sesawang www.tourism.gov.bn.

Senarai ejen-ejen pelancongan berkenaan akan sentiasa dikemas kini dan orang ramai digalakkan untuk sentiasa merujuk kepada laman sesawang yang disediakan.

Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan ejen-ejen pelancongan, orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2382822 sambungan 2325 pada waktu pejabat ataupun berhubung melalui e-mel enforcement@tourism.gov.bn.

Orang ramai juga boleh membuat aduan mengenai ejen-ejen pelancongan yang disyaki tidak mempunyai lesen yang sah melalui talian dan e-mel yang sama.

SENARAI EJEN-EJEN PELANCONGAN YANG BERDAFTAR DAN BERLESEN DI BAWAH JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN (SETAKAT 21HB JANUARI 2026)

- | | |
|---|---|
| 1. Al-Abraj Travels & Tour Sdn Bhd | 37. Hurriyah Travel Services Sdn Bhd |
| 2. Al-Baraka Travel Services Sdn Bhd | 38. Ikhlas Global Tours Sdn Bhd |
| 3. Al-Hajjal Tours & Travel Agency Sdn Bhd | 39. J.J Tour Services (B) Sdn Bhd |
| 4. Al-Hijrah Travel & Tours Sdn Bhd | 40. JB Travel Services Sdn Bhd |
| 5. Al-Hambra Travel and Tours Sdn Bhd | 41. Ken Travel & Trading Sdn Bhd |
| 6. Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn Bhd | 42. Lamisa International Tours & Travel Sdn Bhd |
| 7. Al-Kheira Travel & Tours Sdn Bhd | 43. Maduli Travel Agency Sdn Bhd |
| 8. Al-Miqat Travel & Tours Sdn Bhd | 44. Mas Sugara Travel Services Sdn Bhd |
| 9. Al Qobul Travel & Tours Sdn Bhd | 45. Mikie Tourist & Travel Services Sdn Bhd |
| 10. An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn Bhd | 46. Mustaqim Travel & Tours Sdn Bhd |
| 11. Antara Travel & Tours Sdn Bhd | 47. Oceanic Quest Sdn Bhd |
| 12. Anthony Tours & Travel Agency Sdn Bhd | 48. PA Travel Sdn Bhd |
| 13. As-Safa Travel & Tour Sdn Bhd | 49. P.J Majestic Tours & Travel Sdn Bhd |
| 14. At-Taqwa Travel Tours Sdn Bhd | 50. PGGMB Travel Services Sdn Bhd |
| 15. Alike Arif Tours Sdn Bhd | 51. Pan Bright Travel Services Sdn Bhd |
| 16. AZ Back To Nature Travel & Tour Sdn Bhd | 52. Raudah Al-Amin Sdn Bhd |
| 17. Az-Zain Travel & Tours Sdn Bhd | 53. Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn Bhd |
| 18. Balurith Travel Sdn Bhd | 54. Southern Cross Travel Agencies Sdn Bhd |
| 19. Bonasia Holiday Management Services Sdn Bhd | 55. Sky Travel & Tour Agency Sdn Bhd |
| 20. Borneo Twitchers Tours & Travel Sdn Bhd | 56. Strails Central Agencies (B) Sdn Bhd |
| 21. Bruvacation Sdn Bhd | 57. Sunshine Borneo Tours & Travel Sdn Bhd |
| 22. Continental Yachting Sdn Bhd | 58. TravellHub Tours & Travel Sdn Bhd |
| 23. Dar El-Ehsan Travel Sdn Bhd | 59. Trandie Marina Resorts Sdn Bhd |
| 24. Darussalam Services Sdn Bhd | 60. Wing On Travel & Trading Sdn Bhd |
| 25. Darul Rahman Travel Sdn Bhd | |
| 26. El-Abqari Travel & Tours Sdn Bhd | |
| 27. Freme Travel Services Sdn Bhd | |
| 28. Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn Bhd | |
| 29. Great Borneo and Beyond Tours Sdn Bhd | |
| 30. Ghufuran Travel & Tours Sdn Bhd | |
| 31. Halim Tours & Travel Sdn Bhd | |
| 32. Hafiz Bru Travel & Tours Sdn Bhd | |
| 33. Hasa Incentives Sdn Bhd | |
| 34. Hayya Travel & Tours Sdn Bhd | |
| 35. Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn Bhd | |
| 36. Humzaik Travel & Tours Sdn Bhd | |

TINGKATKAN KEFAHAMAN SAUDARA BAHARU TENTANG KELEBIHAN PUASA



PROGRAM tersebut telah diadakan untuk memberikan kefahaman dan ulang kaji mengenai kewajipan berpuasa (atas), termasuk ceramah dengan tajuk 'Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

PULAI, Sabtu, 7 Februari. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muaf (Tariyah Muaf) telah mengadakan Tariyah Menjelang Ramadan Bersama Muaf di Dewan Persidangan, PDI.

Program ini dihadiri oleh para muaf di Daerah Brunei dan Muara dengan tujuan untuk memberikan

kefahaman dan ulang kaji mengenai kewajipan berpuasa di samping mempersiapkan diri sebelum melangkah ke bulan Ramadan yang mubarak.

Pengisian program termasuk ceramah dengan tajuk 'Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.



Antara inti pati ceramah yang disampaikan ialah mengenai perkara asas tentang ibadah puasa di bulan Ramadan, persediaan dari segi mental, fizikal dan rohani serta permasalahan berhubung dengan ibadah puasa.

Tariyah Menjelang Ramadan ini diharap akan dapat meningkatkan lagi kefahaman saudara-saudara baharu tentang kelebihan bulan puasa serta menghidupkan semangat Ramadan seawal mungkin dan juga memperbetulkan niat dan amalan sebelum kedatangan bulan yang mulia itu.


Operasi Usai Bersepadu kesan 6 kesalahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh


BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai Bersepadu 2026 bersama dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Pertanian dan

Agrimakanan di Kampung Bengkurong Masin pada 31 Januari 2026, bertujuan untuk sama-sama menguatkuasakan dan memastikan undang-undang di Negara Brunei Darussalam (NBD) dipatuhi oleh para majikan dan orang ramai.

Pemeriksaan ke atas perumahan



OPERASI Usai Bersepadu 2026 semasa dijalankan di salah sebuah perumahan pekerja bagi kegiatan pertanian (atas dan bawah).



pekerja bagi kegiatan pertanian yang telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39(1), pembayaran gaji tidak selaras dengan undang-undang, Bab 80, gagal menyediakan tempat tinggal yang bersih dan Bab 86, melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, tempat tinggal pekerja bukan di tempat yang diisytiharkan dan dibenarkan oleh jabatan.

Hasil operasi turut mendapati dua kesalahan di bawah Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, majikan gagal memberikan pekerjaan dan pekerja asing yang didapati bekerja sendiri secara bebas dan Bab 116, majikan gagal menyediakan pengangkutan / tiket pulang ke negara asalnya.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti hendaklah membayar gaji pekerja-pekerja selaras dengan undang-undang Akta Pekerjaan, menyediakan tempat tinggal pekerja yang bersih dan sempurna, tempat tinggal pekerja hendaklah di tempat yang diisytiharkan ke Jabatan Buruh dan pekerja-pekerja yang dijamin hendaklah diberikan pekerjaan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

MEMPERKUKUH STRATEGI PENYELARASAN COP

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Cyber Security Brunei (CSB), dengan kerjasama pihak berkepentingan utama di peringkat kebangsaan, telah menganjurkan bengkel bertajuk 'Moving Toward a National Child Online Protection (COP) Strategy' di Ibu Pejabat CSB, baru-baru ini.

Bengkel tersebut telah menghimpunkan agensi-agensi berkaitan bagi memperkukuh penyelarasan mengenai keselamatan kanak-kanak dalam talian di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta menyokong kemajuan negara di bawah Global Cybersecurity Index (GCI) Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

GCI mengukur bagaimana negara membangunkan dan melaksanakan keupayaan keselamatan siber, termasuk kewujudan rangka kerja perundangan dan teknikal bagi Perlindungan Kanak-kanak Dalam Talian (COP).

Berdasarkan perbincangan

yang telah diadakan pada Jun 2025, bengkel ini memberi tumpuan kepada peralihan daripada inisiatif berasingan berasaskan sektor kepada satu pendekatan kebangsaan yang menyeluruh.

Para peserta bekerjasama dalam membentuk rangka kerja COP kebangsaan yang berpandukan lima tonggak utama iaitu Tadbir Urus dan Penyelarasan, Pelaporan dan Sokongan, Rangka Kerja Perundangan, Pendidikan dan Kesedaran serta Pemantauan dan Penilaian.

Perbincangan turut merangkumi penubuhan Pasukan Petugas COP Kebangsaan yang akan diterajui oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi memperkukuh penyelarasan antara agensi, di samping semakan terhadap liputan perundangan dan dasar berkaitan kemudaran dalam talian seperti *grooming* dan buli siber.

Para peserta juga meneroka kaedah untuk menambah baik dan



BEBERAPA agensi berkaitan telah mengikuti bengkel 'Moving Toward a National Child Online Protection (COP) Strategy' anjuran Cyber Security Brunei (CSB) yang diadakan di ibu pejabat CSB.

memperkemas saluran pelaporan serta sokongan kepada mangsa, dan membincangkan pembangunan papan pemuka kebangsaan untuk menjejak kemajuan serta menilai keberkesanan inisiatif COP.

Bengkel ini berfungsi sebagai

Fasa Pra-Pengesahan bagi Strategi COP Kebangsaan. Hasil daripada sesi ini akan menjadi input kepada Bengkel Pengesahan pada awal tahun 2026, seterusnya membawa kepada pembangunan dan pelancaran Pelan Hala Tuju COP Kebangsaan.

CSB akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan kebangsaan bagi memperkukuh keselamatan kanak-kanak dalam talian serta menyokong persekitaran digital yang lebih selamat dan dipercayai di NBD.

Langkah memartabatkan tulisan Jawi

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh institusi-institusi pendidikan di Negara Brunei Darussalam untuk memartabatkan semula tulisan jawi sebagai warisan budaya dan identiti bangsa Melayu. Antara usaha itu ialah memperkasa tulisan Jawi melalui pendidikan.

Sehubungan itu, Persekutuan

Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) baru-baru ini mengadakan Peraduan Tulisan Jawi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-42, Tahun 2026 di Dewan Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar.

Peraduan disertai oleh ahli-ahli, anak-anak dan cucu-cucu Ahli-ahli PGGMB dengan tema peraduan iaitu 'Menghayati Seni Khat Islam

Sebagai Warisan Budaya Melayu', yang antara lainnya bertujuan untuk memperkenalkan tulisan Jawi yang menjadi salah satu warisan budaya bangsa Melayu serta tamadun Islam, mengasuh bakat dan memupuk minat anak-anak dalam tulisan jawi serta untuk menjadikan tulisan jawi dan seni khat sebagai salah satu saluran dan media dakwah.

Sebanyak lima kategori telah dipertandingkan mengikut peringkat umur. Kategori 'A' ialah Peringkat Umur 6 Tahun Ke Bawah, Kategori 'B' bagi Peringkat Umur 7 Hingga 9 Tahun. Kategori 'C' bagi Peringkat Umur 10 Hingga 12 Tahun. Kategori 'D' bagi Peringkat Umur 13 Hingga 15 Tahun. Kategori 'D' bagi Ahli-ahli PGGMB Lelaki dan Perempuan.

Seramai 31 peserta telah mengambil bahagian termasuk seorang peserta termuda yang berumur 3 tahun dan seorang peserta yang sudah mencapai umur 84 tahun.

Acara dihadiri oleh Timbalan



SEKITAR Peraduan Tulisan Jawi telah diadakan di Dewan Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar (kiri dan atas).

Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Tadbir PGGMB dan ibu bapa peserta-peserta.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah-hadiah dan sijil - sijil kepada pemenang-pemenang. Peraduan ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Bahagian Agama PGGMB.

100 pain darah berjaya dikumpulkan

■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Sebanyak 100 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Derma Darah julung kali anjuran Kelab Lions Bandar Seri Begawan (LC BSB) yang berlangsung di Tingkat 1, Onecity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching, hari ini.

Berpandukan moto global Lions Clubs International, 'We Serve' atau 'Kami Berkhidmat', kempen berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kempen tersebut menerima sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai yang hadir secara berterusan bagi menyumbangkan darah sekali gus membantu menambah bekalan

darah negara.

Presiden LC BSB, Rasel Miah, menzahirkan penghargaan atas sokongan padu yang ditunjukkan oleh masyarakat.

"Kami amat tersentuh dengan kemurahan hati yang ditunjukkan hari ini. Kejayaan mengumpul 100 pain darah dalam kempen pertama ini mencerminkan semangat keprihatinan masyarakat Brunei. Setiap titisan darah berupaya menyelamatkan nyawa," katanya.

Kempen tersebut diketuai bersama oleh Penyelaras Projek Lions, Gurdarshan Singh Cheema Bhatt dan Dalynda Kaur, dengan sokongan Presiden LC BSB, Rasel Miah, Naib Presiden Pertama LC BSB, Aysha Siddika Dola, Lions Tay PP Tay Kim Swee, serta Lions IPP Maya Kumari Ramchandani.

Turut terlibat ialah para

KEMPEN Derma Darah anjuran Kelab Lions Bandar Seri Begawan yang telah mengambil tempat di Tingkat 1, Onecity Shopping Centre, Kampung Sungai Hanching berhasil mengumpul sebanyak 100 pain darah.

sukarelawan daripada kelab saudara Leo's serta petugas perubatan RIPAS yang memastikan proses pendermaan berjalan lancar dan selamat.

Sebagai tanda penghargaan, para penderma turut disajikan jamuan ringan serta berpeluang menyertai cabutan bertuah.

LC BSB, yang merupakan sebahagian daripada Lions Clubs International, organisasi khidmat masyarakat terbesar di dunia, terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif kemanusiaan




khususnya dalam bidang kesihatan, kebajikan komuniti dan perkhidmatan sosial.

Berikutan kejayaan kempen sulung ini, kelab tersebut

bercadang untuk menganjurkan lebih banyak program derma darah pada masa akan datang demi terus berkhidmat kepada negara.



كفتيغن فوسيل دالم مېنتو كفهين قراوبهن ايکوسيستم



Oleh : Haji Muhammad Ruzaini Haji Mohd. Daud, dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

داخت دنتوکن مغيکوت فاسا ماس کيولوكي ياءيت دانآتارا ليغكوغن ايرا نيوجين ياءيت سكيتر ۱ جوتا تاهون سهيغك ايرا چمبريان ياءيت سكيتر ۵۴۰ جوتا تاهون لالو.

منارقن، فوسيل ۲ يغ براوسيا جوتان تاهون جوك توروت دتموغي دبيرا ف بواه تافق دنكارا بروني دارالسلام. انتارا تافق ۲ فنمون فوسيل دنكارا بروني دارالسلام اداله لوكو، لومافس دان بوكيت امبوق، داعيره توتوغ.

اونتوق مغانهوي ليه لنجوت، قارا فمباچ بويه مليهت سندي كوليكي فوسيل يغ دقاميركن دكاري توجه، كاري تندان ۲۱ كبرن الله دبالاي خزانه اسلام سلطان حاج حسن البقيه.

سماكين برتمبه دان برچمفور دغن اليرن اير يغ توروت ملمبشكن تانه دكاوسن ترسبوت.

Kelly, M مپاتانك بهاوا كوجودن فوسيل اين اداله اومقام ريفليكي چرمينن كقد كهيدوفن قد ايرا يغ لمقاو دان اي اداله ساغت فننيغ تراواتم دالم مېنتو اونتوق مغل فستي سجاره كوجودن سرت فريغكت ايؤولوسي تومبوه-تومبوهن دان بيناتغ.

دري سودوت ايکوسيستم قول، Pearson, R منجلسكن بهاوا فنمون فوسيل يغ ترقدنم ددالم لاقيسن تانه قد سواتو كاوسن سجارا تيدق لغسوغ مېنتو قارا فغكاجي تراواتم اهلي فالينوتولوكي دان كيولوكي اونتوق منتوكن اوسيا كوجودن سسبواه كاوسن.

فنتوان اوسيا قد سسبواه كاوسن

Cortney منجلسكن بهاوا انتارا فاکتور يغ مېنتو اتاو مندوروغ فروسيس فمبتون فوسيل سجارا سمولا جادي ايت اداله فرسکيترن انوکسيا يغ برارتي كاوسن يغ مھيليقي قدر اوکسيگن رنده، کتيادان حيوان فروسق (scavengers) سفرتي اولت دان سرغك يغ چندروغ اونتوق مھانك بھكاي بيناتغ اتاو سيسا تومبوهن، کتيادان بکتيريا يغ مروفاکن ميکرو اورگانيسما کچيل يغ سريغ کالي مپرغ بھكاي اتاو داکیغ بوسوق، قدر فمندفن تانه يغ تيغكي باکي مھستيکن فروسيس فنيمبوسنن ددالم تانه چوکوف خصوصن باکي مليندوغي اورگانيسما ايت درقد سرغن سرغك فروسق سرت فرسکيترن يغ لمبف توروت مندوروغ دان مھقرچفتکن فروسيس فمفوسيلن سسواتو اورگانيسما.

سنتون، فروسيس فمبتون سسواتو فوسيل ايت برمولا افابيل سسواتو اورگانيسما ايت ماتي دان ترتيمبوس ددالم تانه. لاما- کلامان، لاقيسن اندفن يغ منيمبوسي ستروکتور فوسيل ايت جوك

ددالم رونا كهيدوفن يغ دللوي تنفا دسدري مائسي داخت مليهت دان مغياتي بايق تندان ۲۱ كبرن الله يغ مرغکومي فينومينا عالم، فلانيت دان بينتغ سرتا فلورا دان فاونا. ساله ساتو تندان ۲۱ كبرن الله يغ هان داخت دکتاهوغي دان دتروکاي ستله ملقسانانك کرچا ۲ فغکالين (ايکساوآسي) اداله فوسيل.

Santucci, V.L منديفينيسين فوسيل سباکاي سيسا اتاوفون کسن يغ تيغکل درقد هيدوفن زمان لمقاو سفرتي حيوان دان تومبوهن يغ ترغليهارا دالم کرقي بومي دان منجادي باتو فروسيس فمفوسيلن (fossilization).

قد عمومن، فروسيس فمفوسيلن ترجادي قد بهاگين کرس اتاو فادت قد سسواتو اورگانيسما سفرتي کيکي، چفکرغ دان تولغ. ماناکالا، بهاگين لمبوت قد سسواتو اورگانيسما قول سلالون اکن موسنه. لازيمن، فوسيل مھلوكن ماس دانآتارا ۱۰،۰۰۰ تاهون سهيغك جوتان تاهون اونتوق تربنتوق سجارا سمولا جادي.

Kesedaran adalah kekuatan, bantu pesakit kanser dapat rawatan awal

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Infografik : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, Penempatan Penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei, Ihsan Kementerian Kesihatan

SETIAP tahun, pada 4 Februari, dunia memperingati Hari Kanser Sedunia untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser dan memberi sokongan kepada mereka yang terkesan. Kita juga perlu sedar bahawa pengetahuan adalah langkah pertama dalam usaha melawan kanser, penyakit yang telah menjatuhkan berjuta-juta nyawa di seluruh dunia. Ia bertujuan untuk mempromosikan penyelidikan, mencegah kanser, meningkatkan perkhidmatan pesakit, meningkatkan kesedaran, dan menggerakkan komuniti global untuk mencapai kemajuan dalam penjagaan kanser.

Tahun ini menandakan tahun kedua sambutan Hari Kanser Sedunia dengan tema 'United by Unique' atau 'Bersatu Berasaskan Keunikan'.

Tema berkenaan bukan sahaja menyeru masyarakat untuk bersatu dalam perjuangan melawan kanser, malah menekankan kepentingan memahami keunikan setiap individu dari segi latar belakang, budaya, emosi dan keperluan perubatan.

Apa itu kanser?

Kanser ataupun barah merupakan sejenis penyakit yang boleh bermula pada mana-mana bahagian dalam tubuh badan

manusia. Kanser adalah penyakit yang melibatkan pertumbuhan sel abnormal dalam tubuh yang berkembang tanpa kawalan. Setiap jenis kanser memiliki ciri-ciri yang berbeza, tetapi semuanya memerlukan diagnosis awal untuk meningkatkan peluang sembuh. Kanser boleh dicegah dan dirawat dengan lebih baik jika dikesan di peringkat awal.

Mengapa kesedaran itu penting?

Kesedaran adalah alat yang berkuasa. Dengan meningkatnya pengetahuan mengenai kanser, kita dapat membuat keputusan yang lebih bijak mengenai gaya hidup sihat, pemeriksaan awal, dan rawatan yang tersedia. Melalui kesedaran, kita juga dapat mengurangkan stigma dan meningkatkan sokongan sosial kepada pesakit kanser.

Kanser sering kali tidak menunjukkan gejala awal yang jelas. Oleh itu, penting untuk melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala, terutamanya untuk kanser yang boleh dikesan lebih awal seperti kanser payudara dan kanser kolon. Pemahaman ini adalah kunci untuk pengesanan awal yang dapat menyelamatkan nyawa. Apa yang lebih penting setiap golongan masyarakat termasuk petugas kesihatan, keluarga,

komuniti serta pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menyokong pesakit dan memerangi penyakit kanser.

Dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Hari Kanser Sedunia 2026 juga ada menyatakan berdasarkan data yang diperolehi daripada Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDCR), pada tahun 2024, sebanyak 860 kes baharu kanser (357 lelaki dan 503 perempuan) telah direkodkan dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, dengan 88 kes baharu (24.6 peratus) dalam kalangan lelaki adalah disebabkan oleh kanser kolorektal, manakala 127 kes baharu (25.2 peratus) dalam kalangan perempuan adalah disebabkan oleh kanser payudara.

Jumlah ini menurut Menteri Kesihatan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, iaitu 828 kes pada tahun 2023. Selain itu, pada tahun yang sama, sebanyak 368 kematian akibat kanser telah dicatatkan.

Statistik ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa jenis kanser yang sering berlaku, tumpuan pencegahan dan pengesanan awal boleh memberi impak besar dalam mengurangkan kes dan mortaliti.

Kanser kolorektal merupakan jenis kanser yang paling kerap dihidapi dalam kalangan lelaki, diikuti dengan kanser prostat dan kanser paru-paru. Manakala, kanser payudara kekal sebagai kanser yang paling lazim dalam kalangan wanita, diikuti dengan kanser rahim (*uterus*), kanser kolorektal dan kanser serviks.

Langkah pencegahan yang boleh diambil

Pengambilan makanan yang seimbang, bersenam secara teratur, dan menghindari tabiat buruk seperti merokok dan alkohol boleh mengurangkan kemungkinan terkena kanser. Menjaga berat badan yang sihat juga sangat penting. Pencegahan kanser tidak memerlukan perubahan drastik, tetapi beberapa langkah sederhana dapat membantu mengurangkan risiko. Langkah-langkah pencegahan merupakan asas penting dalam mengurangkan risiko kanser.

Selain itu, vaksinasi seperti vaksin HPV (untuk kanser serviks) dan vaksin Hepatitis B (untuk kanser hati) boleh memberi perlindungan terhadap beberapa jenis kanser yang boleh dicegah.

Dari aspek pengesanan awal pula, Kementerian Kesihatan giat melaksanakan kempen kesedaran mengenai kanser yang boleh disaring pada peringkat awal, khususnya kanser payudara,

World Cancer Day
4 February

World
CANCER
Day

kolorektal, dan serviks serta untuk mengikuti Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme), pemeriksaan ini disediakan secara percuma kepada semua warganegara dan penduduk tetap (*stateless*) NBD.

Program ini membolehkan kanser dikesan pada peringkat awal, meningkatkan peluang rawatan yang lebih berkesan, dan mengurangkan risiko komplikasi atau kematian akibat penyakit kanser.

Sokongan Sosial : Kekuatan bagi pesakit kanser

Seterusnya, perjuangan melawan kanser tidak berakhir selepas rawatan. Ramai pesakit dan bekas pesakit kanser menghadapi cabaran seperti kesan sampingan jangka panjang serta tekanan emosi dan sosial.

Pesakit kanser sering berdepan dengan cabaran bukan sahaja dari segi rawatan fizikal, tetapi juga dari segi emosi dan psikologi. Oleh itu, sokongan dari keluarga, rakan-rakan, dan komuniti sangat penting. Kumpulan sokongan dan perkhidmatan kaunseling dapat membantu pesakit menjalani rawatan dengan lebih tabah. sikap tidak menghakimi memainkan peranan besar dalam memberi kekuatan kepada mereka yang sedang menghadapi ujian kanser. Bagi penghidap kanser dan bekas pesakit kanser, ketabahan dan kesabaran mereka inilah yang memberikan inspirasi kepada seluruh masyarakat.

Kepada ahli keluarga dan para penjaga, pengorbanan yang telah diberikan adalah tunjang kepada proses penyembuhan dan kesejahteraan insan yang tercinta. Marilah kita menjadikan Hari Kanser Sedunia 2026 sebagai satu dorongan untuk memperkukuh empati, memelihara maruah dan kesejahteraan pesakit kanser, berganding bahu sebagai masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab, di mana setiap individu memainkan peranan dalam menyokong perjuangan melawan kanser. Marilah kita memberi perhatian lebih kepada mereka yang berjuang melawan kanser, memberikan semangat dan membantu mereka merasa lebih dihargai.

Dengan semangat 'Bersatu Berasaskan Keunikan', kita dapat membina masyarakat yang inklusif, penuh harapan, dan mampu menghadapi apa jua cabaran penyakit kanser.

TIP CARA KEKAL HIDUP SIHAT

Mengurangkan Risiko Kanser

1 KAWAL BERAT BADAN

- Makan makanan seimbang & sihat.
- Elakkan dari makanan berlemak atau bergula yang berlebihan.



2 JADIKAN SENAMAN SEBAGAI AMALAN

- Menjadi seorang yang aktif dari segi fizikal dan lakukan senaman sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari.



3 HINDARI DIRI DARI MEROKOK

- Elakkan mana-mana produk berasaskan tembakau.
- Jadikan rumah awda bebas dari asap rokok.



4 STRATEGI PENCEGAHAN

- Elakkan terdedah kepada cahaya matahari & gunakan krim perlindungan.
- Penyusuan badan mengurangkan risiko kanser payudara kepada si ibu.
- Kurangkan pencemaran udara di dalam atau luar bangunan.
- Vaksin anak-anak awda untuk mengelakkan penyakit Hepatitis B dan HPV



BERSATU BERASASKAN KEUNIKAN



UTARA MAGHRIBI DILANDA 2 GEMPA BUMI LEMAH KETIKA BERDEPAN BENCANA BANJIR

RABAT (Maghribi), 8 Feb. - Kawasan di utara Maghribi dilanda dua gempa bumi lemah pada Sabtu ketika sebahagian besar rantau itu terus bergelut dengan banjir yang menyebabkan bandar-bandar terputus hubungan, kampung-kampung ditenggelami air, serta puluhan ribu penduduk terpaksa dipindahkan, lapor

Anadolu Ajansi (AA).

Gegaran pertama berukuran 3.8 pada skala Richter direkodkan di kawasan Arbaa Taourirt di wilayah Al Hoceima, menurut Pengarah Institut Geofizik Kebangsaan Maghribi, Nasser Jabour. Gempa bumi itu berlaku pada kedalaman 13 kilometer dan tidak mengakibatkan sebarang korban jiwa atau kerosakan harta benda.

Gegaran kedua, berukuran 2.8 magnitud, kemudian direkodkan di kawasan Tilouguite di wilayah

Azilal, juga tanpa menyebabkan sebarang kerosakan.

Jabour berkata puluhan gegaran susulan yang lebih lemah dikesan di pelbagai bahagian negara itu pada hari yang sama, namun kekuatannya tidak melebihi dua darjah dan kebanyakannya tidak dirasakan penduduk.

Aktiviti seismik itu berlaku ketika wilayah utara dan barat negara itu masih dilanda hujan luar biasa yang mencetuskan banjir buruk sejak akhir Januari, memutuskan

jalan raya dan "mengepung" keseluruhan komuniti dengan air.

Menurut pewarta Anadolu di lapangan, beberapa bandar dan kampung, termasuk Oulad Hussein berhampiran Sidi Slimane dan Al-Hawafat di wilayah Sidi Kacem, masih "dikepung" air banjir, mendorong Angkatan Tentera Diraja menghantar bantuan makanan kepada penduduk yang terkandas.

Data rasmi menunjukkan banjir menjejaskan wilayah Larache,

Kenitra, Sidi Kacem dan Sidi Slimane selepas Sungai Loukkos melimpah susulan Empangan Al-Wahda (Oued Al-Makhazine) mencapai 156 peratus daripada kapasitinya buat pertama kali.

Pada Jumaat, Kementerian Dalam Negeri memaklumkan lebih 154,000 orang telah dipindahkan dari wilayah terjejas banjir dalam tempoh 10 hari lalu, ketika hujan lebat berterusan merumitkan operasi menyelamatkan dan bantuan. - ©BERNAMA

Republik India : Angka korban letupan lombong arang batu meningkat kepada 27 orang

NEW DELHI, 8 Feb. - Angka korban dalam kejadian letupan lombong arang batu di negeri Meghalaya, Republik India meningkat kepada 27 orang dengan operasi mencari dan

menyelamat (SAR) masih diteruskan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Operasi masih 'diteruskan' susulan letupan di kawasan East Jaintia Hills, dengan beberapa

lagi mayat dibawa keluar, menurut penyiar awam All India Radio.

Terdahulu, Ketua Menteri Meghalaya Conrad Sangma berkata letupan berkenaan

berlaku di sebuah lombong arang batu haram.

Sangma berkata kerajaan telah mengarahkan satu 'siasatan menyeluruh' dijalankan

berhubung kejadian itu.

Polis telah membuka kertas siasatan dan menahan dua individu berhubung letupan itu. - ©BERNAMA

Dua maut, 13 cedera dalam insiden bangunan runtuh di Republik India

NEW DELHI, 8 Feb. - Sekurang-kurangnya dua maut manakala 13 lagi cedera dalam insiden bangunan runtuh di Kota, di negeri Rajasthan, barat Republik India pada Sabtu, menurut seorang pegawai kerajaan pada Ahad, lapor Xinhua.

Ketika memberi taklimat media mengenai kejadian itu,

Pesuruhjaya Bahagian Kota, Anil Agrawal berkata dua mayat telah dikeluarkan dari lokasi kejadian, sambil menambah usaha sedang dijalankan bagi mengenal pasti identiti mangsa yang terkorban.

Daripada jumlah mangsa yang cedera, dua orang dilaporkan mengalami kecederaan parah.

"Semua mangsa yang cedera

telah dimasukkan ke hospital tempatan," katanya.

Menurut media tempatan, bangunan berkenaan menempatkan sebuah kedai makan di tingkat bawah.

Punca kejadian masih belum dikenal pasti manakala operasi menyelamat masih diteruskan. - ©BERNAMA

Republik Singapura pantau rapi situasi virus Nipah, tiada kes dikesan setakat ini

REPUBLIK SINGAPURA, 7 Feb. - Tiada kes jangkitan virus Nipah yang dikaitkan dengan kes di Bengal Barat dan Republik Rakyat Bangladesh dilaporkan di Republik Singapura setakat ini, menurut Agensi Penyakit Berjangkit (CDA).

Dalam satu kenyataan, agensi itu memaklumkan bahawa ia menyedari satu kes jangkitan virus Nipah yang dilaporkan di Daerah Naogaon, Bahagian Rajshahi di barat laut Republik Rakyat Bangladesh dan sedang memantau rapi situasi berkenaan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kes di Republik Rakyat

Bangladesh melibatkan seorang dewasa yang mempunyai sejarah meminum nira kurma mentah, yang diketahui sebagai faktor risiko jangkitan virus Nipah.

"Setakat ini tiada bukti bahawa kes di Bangladesh itu berkaitan dengan kes di Bengal Barat, India atau berlaku penularan daripada manusia ke manusia di Bangladesh," kata CDA.

CDA menekankan bahawa ia telah melaksanakan langkah-langkah kesihatan awam secara progresif bagi mencegah jangkitan virus Nipah di Republik Singapura sejak 28 Januari 2026.

Langkah-langkah itu termasuk menghebahkan nasihat kesihatan

di pintu masuk Republik Singapura, serta saringan suhu di lapangan terbang dan pelabuhan laut bagi penerbangan serta kapal yang tiba dari kawasan terjejas di Republik India.

Selain itu, pengisytiharan kesihatan semasa ketibaan telah diselenggarakan bagi merangkumi jangkitan virus Nipah, manakala Kementerian Tenaga Kerja (MOM) meningkatkan pemantauan terhadap pekerja migran yang baru tiba dari Asia Selatan.

"CDA akan terus memantau rapi situasi virus Nipah di peringkat global dan akan menyelaraskan langkah kesihatan sedia ada jika perlu," tambahnya. - ©BERNAMA

Angkasawan NASA dibenarkan bawa telefon pintar terkini dalam misi ke bulan

ISTANBUL, 7 Feb. - Angkasawan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) akan dibenarkan membawa telefon pintar terkini dalam misi akan datang ke Bulan, menurut Pentadbir agensi angkasa lepas itu Jared Isaacman pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut Isaacman, angkasawan akan membawa telefon pintar bermula dengan misi Crew-12 pada Februari dan Artemis II pada Mac.

"Kami menyediakan kru kami dengan peralatan untuk merakam detik istimewa buat keluarga mereka serta berkongsi imej dan video yang memberi inspirasi

kepada dunia," katanya dalam satu hantaran di platform media sosial X.

Beliau berkata pasukan NASA mencabar "proses yang telah lama diamalkan" dan melayakkan perkakasan moden untuk penerbangan angkasa lepas mengikut "garis masa dipercepatkan". - ©BERNAMA

8 maut dalam insiden letupan kilang di utara Republik Rakyat China

TAIYUAN, 8 Feb. - Seramai lapan orang disahkan terkorban setakat 9.30 pagi Ahad dalam insiden letupan di sebuah kilang bioteknologi pada Sabtu di wilayah Shanxi, utara Republik Rakyat China, menurut pengesahan pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Letupan itu berlaku di sebuah bengkel milik syarikat bioteknologi Jiapeng di daerah Shanyin, bandar Shuozhou. - ©BERNAMA

Republik Filipina: Ribut tropika Basyang ragut 3 nyawa, hampir 111,000 keluarga terjejas

BUTUAN CITY (Republik Filipina), 7 Feb. - Ribut tropika Basyang yang melemah menjadi kawasan tekanan rendah melanda wilayah Caraga di selatan Republik Filipina, mengakibatkan tiga orang terkorban dan memaksa ribuan keluarga meninggalkan kediaman mereka, menurut Pejabat Pertahanan Awam (OCD), lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Dalam laporan pada 4 pagi Sabtu, OCD-13 memaklumkan kematian direkodkan di Surigao del Sur dan Agusan del Norte.

Agensi itu berkata lebih 390,000 individu daripada hampir 111,000 keluarga di 525 kampung terjejas akibat ribut tropika Basyang, dengan lebih 20,830 penduduk kehilangan tempat tinggal, dan 6,109 orang ditempatkan sementara di 50 pusat pemindahan yang ditetapkan, manakala kira-kira 14,721 orang memilih untuk berada di luar pusat berkenaan.

Ratusan rumah dilaporkan rosak di seluruh wilayah itu, namun pihak berkuasa masih belum menentukan tahap kerosakan terhadap sektor pertanian dan infrastruktur.

Operasi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan (DSWD-13) dengan sokongan unit kerajaan tempatan bermula pada Khamis, dengan bantuan telah diagihkan kepada keluarga terjejas.

Dalam satu kenyataan pada Sabtu, DSWD-13 memaklumkan pihaknya meneruskan penghantaran bantuan makanan kepada keluarga yang terjejas akibat Basyang, sambil menambah usaha bantuan akan diteruskan sepanjang hujung minggu ini. - ©BERNAMA

3 maut dalam nahas pesawat ringan di Australia Selatan

CANBERRA, 7 Feb. - Tiga lelaki maut selepas sebuah pesawat ringan terhempas di selatan Adelaide pada petang Jumaat, menurut Polis Australia Selatan pada Sabtu, lapor Xinhua.

Polis menerima laporan mengenai sebuah pesawat ringan yang terhempas ke dalam laut kira-kira 4.20 petang waktu tempatan dan segera bertindak balas, katanya dalam satu kenyataan.

Ketiga-tiga mangsa di dalam pesawat itu ditemukan maut - juruterbang berusia 57 tahun serta dua penumpang masing-masing berusia 18 dan 19 tahun, katanya sambil menambah bangkai pesawat telah dibawa ke darat. - ©BERNAMA

KEJOHANAN BOLA JARING HPA LABUH TIRAI

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Paduka Haji Talib hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada perlawanan tersebut.

BERAKAS, Ahad, 8 Februari. - Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian - Kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, Tahun 2025 melabuhkan tirainya dengan dua perlawanan terakhir melibatkan Kementerian Pertahanan menentang Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pembangunan menentang Kementerian Kesihatan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Paduka Haji Talib yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah bagi Kategori Veteran dan Kategori Terbuka.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Bagi Kategori Veteran, Kementerian Kesihatan muncul juara, diikuti Kementerian Pembangunan sebagai naib juara dan tempat ketiga disandang oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan turut dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kategori Terbuka, diikuti Kementerian Pendidikan selaku

naib juara dan JPM di tempat ketiga.

Kejohanan anjuran KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tersebut berlangsung selama tiga hari iaitu pada 30 Januari, 1 dan 8 Februari 2026.

Sebanyak 10 kementerian menyertai kejohanan berkenaan yang dipertandingkan dalam dua

kategori iaitu Terbuka dan Veteran menggunakan sistem liga sepusingan (*round robin*).

Kejohanan ini bertujuan sebagai pembangunan sukan bola jaring secara berterusan, di samping meningkatkan kerjasama serta persefahaman dalam kalangan pegawai kementerian serta menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam sukan berkenaan.

Semai kesedaran kepentingan amalkan gaya hidup sihat, aktif

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



BERAKAS, Ahad, 8 Februari. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jawatankuasa Pemimpin Sekolah - Sekolah Ugama Brunei 1 (JKPSSU BR 1) pagi tadi mengadakan acara Fun Walk, bertempat di Pentagon Park, Jalan Menteri Besar.

Hadir selaku tetamu khas, Ketua Bahagian Peperiksaan, JPI, Awang Azman bin Haji Jaya.

Turut hadir, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei 1, Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah binti Haji Wahsafelah; serta para pegawai dan guru Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei 1.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan oleh



Pengerusi Badan Sukan JKPSSU.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi senamrobik sebelum dirasmikan oleh tetamu khas, disusuli dengan aktiviti Fun Walk yang berlangsung dalam suasana ceria dan penuh semangat.

Penganjuran acara berkenaan bertujuan untuk menyemai

kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif secara berterusan, di samping mengeratkan silaturahim, memupuk semangat perpaduan serta memperkukuh kerjasama dalam kalangan warga pendidik Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei 1.

Almerez FC juara Kejohanan YAKIN U15 Rising Stars Challenge 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Februari. - Pasukan Almerez FC menjuarai Kejohanan Bola Sepak YAKIN U15 Rising Stars Challenge 2026 selepas berjaya mengutip 13 mata pada perlawanan yang berlangsung di Peak Sports Hub, Berakas.

Sementara itu, pasukan Supastrikas FC menduduki tangga kedua dengan kelebihan jaringan walaupun berkongsi 10 mata bersama pasukan Al-Ahly, sekali gus berada di tempat ketiga.

Pengerusi HiTune Group of

Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang menyampaikan hadiah kepada pemenang manakala Ketua Pegawai Eksekutif HiTune Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey menyampaikan sijil kepada pasukan yang menyertai kejohanan.

Enam pasukan yang menyertai kejohanan tersebut ialah Panchor Murai FC, Supastrikas FC, Al Hilal, Al-Ahly, Al-Ittifaq dan Almerez FC. Kejohanan berkenaan

dianjurkan oleh Yakin Football League (YFL) dengan kerjasama Yakin Sports, sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan untuk memperkukuhkan pembangunan bola sepak akar umbi, khususnya dalam kategori bawah 15 tahun.

ALMEREZ FC, juara Kejohanan Bola Sepak YAKIN U15 Rising Stars Challenge 2026, bergambar bersama Pengerusi HiTune Group of Companies dan Ketua Pegawai Eksekutif HiTune Group of Companies.





KJ WARLORD, KB BULL TUGGERS JUARA PERTANDINGAN TARIK KALAT



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Ahad, 8 Februari. - KJ Warlord dan KB Bull Tuggers, masing-masing menjuarai Kategori Berat 680 kilogram (kg) dan Kategori Ringan 560kg pada Pertandingan Tarik Kalat Westpark Food Corner yang berlangsung di kawasan padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

KJ Warlord berjaya membawa pulang piala, pingat dan wang tunai sebanyak BND800, manakala KB Bull Tuggers pula berjaya membawa pulang piala, pingat dan

wang tunai sebanyak BND800.

Manakala naib juara bagi Kategori Berat 680kg disandang oleh SPSS dengan menerima piala, pingat dan wang tunai sebanyak BND700, sementara tempat ketiga diberikan kepada KF Mix Team yang menerima piala, pingat dan wang tunai sebanyak BND600.

Bagi pemenang tempat keempat pula diraih oleh Hachi 88 dengan membawa pulang piala dan wang tunai sebanyak BND500.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Tarik Kalat Westpark Food Corner.

Sementara naib juara bagi Kategori Ringan 560kg pula dimenangi oleh MS ABDB dengan menerima piala, pingat dan wang tunai sebanyak BND700. Bagi pemenang tempat ketiga dan keempat, masing-masing menjadi milik Bros Extreme yang menerima piala, pingat dan wang tunai sebanyak BND600, dan SPSS yang menerima piala dan wang tunai sebanyak BND500.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pasukan yang berjaya.

Pertandingan berkenaan diadakan dengan tujuan memupuk semangat kesukanan, mengeratkan hubungan komuniti, menghidupkan sukan tradisional, serta memberi platform kepada penduduk dan belia untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat.

Pada tahun ini, dua kategori telah

dipertandingkan, iaitu Kategori Berat (680kg) dan Kategori Ringan (560kg).

Pertandingan berkenaan telah dijalankan secara pukul keliling (*round robin*) bagi memastikan pelaksanaan pertandingan yang adil dan tersusun.

Penganjuran pertandingan berkenaan selaras dengan tujuan mengimarakan aktiviti kemasyarakatan, di samping memperkukuh usaha mempromosikan Daerah Tutong sebagai salah satu destinasi pelancongan dengan menyetengahkan sukan tradisi sebagai warisan budaya negara.

Dengan berakhirnya pertandingan berkenaan, diharapkan agar penganjuran seumpama ini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai platform memperkasa sukan tradisi, menggalakkan penyertaan masyarakat serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan penduduk setempat.

Pertandingan Tarik Kalat Westpark Food Corner berkenaan merupakan anjuran Westpark Food Corner dengan dikendalikan oleh Bros Extreme dan disokong oleh Majlis Perundingan Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos dan juga Jabatan Daerah Tutong.

Pertandingan tersebut melabuhkan tirainya hari ini selepas berlangsung selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Februari 2026, bertempat di kawasan padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

ISU buka gelanggang luncur ais sempena Sukan Olimpik Musim Sejuk

MILAN, 8 Feb. - International Skating Union (ISU) telah merasmikan ISU home of skating di sini pada hari Sabtu, sekali gus mewujudkan tempat khas sempena Olimpik untuk para atlet dan komuniti luncur ais global.

"Dengan sukan luncur ais sebagai teras pengalaman Olimpik, kami berbangga untuk memperkenalkan pusat sukan luncur ais sebagai tempat yang mencerminkan nilai-nilai kami, meraikan atlet kami dan menyatukan komuniti kami," kata

Presiden ISU, Kim Jae-yeol.

Peluncur ais artistik Republik Rakyat China, Chen Hongyi berkata tempat itu terasa seperti satu perhimpunan keluarga bagi mereka yang terlibat dalam sukan ini.

"Ia benar-benar terasa seperti satu keluarga besar," kata Chen. Beliau menambah bahawa gelanggang Olimpik yang dipaparkan pada majlis perasmian melambangkan 'sebuah keluarga global yang bersatu dalam harmoni', dan

PRESIDEN Kesatuan Luncur Ais Antarabangsa, Kim Jae-yeol (ke-4 Kiri) menghadiri majlis perasmian pusat luncur ais ISU di Milan, Republik Itali, 7 Februari 2026.

menyuarakan harapan bahawa semangat luncur ais akan memberi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk menceburi sukan ini.

Menurut ISU, sepanjang tempoh Olimpik, tempat utama sukan luncur ais akan menjadi



tuan rumah kepada atlet, rakan kongsi, penyiar dan pihak berkepentingan lain. Persekutuan itu menganggarkan bahawa lebih

daripada 330 juta orang di seluruh dunia menonton, mengikuti atau menyertai daam sukan luncur ais. - ©XINHUA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERDOALAH, KERANA SESUNGGUHNYA DOA IALAH BAHASA JIWA YANG PALING TULUS